

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PESAWAH

1. Sejak dua musim lalu terdapat pengurangan hasil padi yang ketara di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah-masalah berikut:
- i) Masalah kekurangan air dan siput gondang
 - ii) Masalah tidak mampu untuk membeli baja dan racun tambahan
 - iii) Masalah kualiti benih padi yang rendah

JAWAPAN :

- a)
i) Langkah-langkah Kawalan Siput Gondang Pomacea

Di antara aktiviti –aktiviti kawalan secara bersepadu yang boleh dijalankan bagi kawalan serangan Siput Gondang Pomacea iaitu;–

- Menjalankan pemantauan telur-telur serta siput di dalam sawah petani dengan memasang perangkap tiang-tiang pancang untuk siput bertelur di dalam sawah serta memusnahkannya.
- Menjalankan program gotong-royong mengutip dan memusnahkan telur-telur serta siput-siput yang ditemui. Aktiviti ini perlu dijalankan secara berterusan sepanjang musim dan bukannya di peringkat awal penanaman sahaja.
- Membekalkan racun moluska seperti racun Mostok, Baylucide dan Agondan kepada individu petani yang terlibat. Menjalankan pengawalan di petak sawah, parit ladang dan sekitar tali air sepanjang musim bagi mengurangkan populasi siput gondang.
- Pemasangan perangkap jaring (5 mm mesh) pada saluran air masuk dan keluar.

- Menjalankan pembajakan halus 2 kali sedalam 4 inci atau lebih bagi membunuh siput gondang. Pembajakan mestilah rata dan keadaan berlopak di dalam sawah haruslah dielakkan.
 - Membuat parit ladang di sekeliling petak sawah bagi menghad pergerakan siput di dalam parit ladang.
 - Membela Itik Jawa (20-30 ekor sehektar) di dalam sawah. Itik dilepaskan selepas musim penuaan dan peringkat padi 45 hari selepas menanam atau mengubah bagi memakan anak-anak siput.
 - Meletakkan umpan seperti kulit nangka, daun ubi kayu, buah sukun atau kangkung untuk siput makan bagi memudahkan pengutipan siput.
 - Pastikan jentera sawah dicuci bersih apabila keluar daripada sawah yang ada serangan Siput Gondang.
 - Menjalankan aktiviti penyulaman padi terhadap kawasan yang diserang siput gondang.
- ii) Untuk mengatasi masalah tidak mampu untuk membeli baja dan racun tambahan, pada tahun 2011, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM1,020,450.00 untuk membeli baja dan RM764,661.00 untuk membeli racun untuk diedarkan kepada 2,803 pesawah yang mengusahakan sebanyak 3,169 lot sawah dengan keluasan 3,792.84ha.

Input	Sabak Bernam			Kuala Selangor			Jumlah		
	Amaun (RM)	Kuantiti (Unit)	Penerima	Amaun (RM)	Kuantiti (Unit)	Penerima	Amaun (RM)	Kuantiti (Unit)	Penerima
Baja	595,740	8,198	1,316 pesawah	424,710	4,098	1,487 pesawah	1,020,450	12,296	2,803 pesawah
Racun	341,208	5,160	1,520 lot	423,453	5,834	1,649 lot	764,661	10,994	3,169 lot
Jumlah	936,948	13,358	1,824 ha	848,163	9,932	1,968.84 ha	1,785,111	23,290	3,792.84 ha

Selain itu Jabatan Pertanian turut memberi kursus dan galakkan kepada pesawah-pesawah untuk menghasilkan sendiri baja organik dan natural farming yang boleh digunakan sebagai baja tambahan dimana kos

penghasilan baja-baja tersebut adalah lebih rendah daripada membeli baja tambahan kimia yang tersedia di pasaran.

- iii. Pihak Jabatan Pertanian telah melaksanakan Skim Pengesahan Benih Padi Sah supaya benih padi yang dikeluarkan oleh pengeluar menepati piawaian yang ditetapkan berdasarkan Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM – 2009 dan Prosedur Skim Pengesahan Benih Jabatan Pertanian Malaysia). Perakuan pematuhan akan diberikan apabila lot-lot benih disahkan memenuhi tahap piawaian.

Perakuan ini adalah benar berdasarkan kepada keputusan yang perolehi semasa ujian dijalankan. Walaubagaimanapun perakuan ini bukanlah satu jaminan kualiti kerana pihak pengeluarlah yang bertanggungjawab ke atas kualiti benih selepas ianya diuji oleh pihak Jabatan Pertanian sehingga diedarkan kepada petani untuk tujuan penanaman. Untuk makluman banyak faktor yang boleh mempengaruhi kualiti benih selepas ianya diuji. Faktor – faktor seperti tempat penyimpanan yang tidak kondusif, teknik rendaman benih yang tidak betul, kerataan sawah tidak sempurna dan lain-lain lagi boleh menyebabkan kualiti benih menurun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

**TAJUK : TAPAK RIZAB SEKOLAH AGAMA DI FASA 9 BANDAR TASIK
KESUMA, BERANANG, SELANGOR**

2. Baru-baru ini pihak JAIS telah bersetuju menyerahkan semula tapak rizab Sekolah Agama Bandar Tasik Kesuma seluas 3 ekar di Fasa 9 Bandar Tasik Kesuma kepada pemaju sebagai 'Land Swap' untuk mengekalkan tapak tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini agar tanah seluas 3 ekar tersebut dikekalkan sebagai tapak sekolah agama di Bandar Tasik Kesuma?
- b) Apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai rizab tapak sekolah agama untuk satu-satu projek pembangunan memandangkan kawasan seperti Bandar Tasik Kesuma dan pembangunan persekitaran adalah merupakan kawasan pembangunan yang begitu pesat serta mempunyai kadar penduduk yang padat?

JAWAPAN :

- a) Tanah seluas 3 ekar akan diserahkan kepada Pemaju.
- b) Sebagai balasan Pemaju menyerahkan tapak seluas 06 ekar kepada Kerajaan Negeri (Pertukaran tapak di antara pihak pemaju dengan pihak Kerajaan Negeri).

**JUSTIFIKASI PENYERAHAN SEMULA TAPAK SEKOLAH BANDAR TASIK
KESUMA**

1. Tapak seluas 06 ekar yang dimaksudkan adalah milik Pemaju. Di samping itu, di atas tapak berkenaan terdapat bangunan Sekolah Agama Rakyat Kg. Rinching Tengah. Murid yang sedang belajar di sekolah berkenaan seramai 895 orang pelajar. Tapak berkenaan bukan sahaja terdapat Sekolah Agama Rakyat (SAR) tetapi terdapat bangunan Balai Raya yang dikawal selia oleh Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK). Terdapat juga sebuah bangunan Tadika yang masih aktif beroperasi di atas berkenaan.
2. Pihak pemaju telah mendapat kelulusan oleh Pihak Kerajaan Negeri untuk membangunkan tapak berkenaan dengan mendirikan bangunan perniagaan. Tanah yang dimiliki oleh Pemaju adalah sah di sisi Undang-Undang dengan No. Lot 2332.

3. Sekiranya pihak kerajaan Negeri tidak boleh menimbang tara pertukaran tapak yang dimaksudkan di atas, keseluruhan bangunan akan diruntuhkan termasuk bangunan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Semua murid seramai 895 orang tersebut tidak akan mendapat Pendidikan Agama yang sewajarnya termasuk Pendidikan Pra Sekolah.

Sekiranya pihak Kerajaan Negeri berhasrat membuat pengambilan balik di atas tanah seluas 06 ekar, ia akan menggunakan perbelanjaan yang tinggi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : PUSAT PENGUMPULAN PRODUK INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah bilangan Pusat Pengumpulan Produk IKS di Negeri Selangor?
 - Berapakah kos perbelanjaan untuk tujuan pembinaan baru dan ubah suai pusat bagi setiap pusat pengumpulan produk IKS?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri pada masa ini telah dan sedang merancang untuk membangunkan pusat pengumpulan di daerah-daerah bagi mempergiatkan industri IKS. Dengan adanya pusat pengumpulan ini dijangka produk-produk IKS dapat dipasarkan dengan lebih meluas. Pusat pengumpulan yang di cadang dan sedang dibangunkan adalah seperti berikut;

Daerah	Jumlah pusat	Status
Sepang	1	Proses pengeluaran tender untuk melantik operator
Kuala Langat	1	Dalam pembinaan
Gombak	1	Baru siap dibina.
Hulu Langat	1	Lokasi telah dikenal pasti
Hulu Selangor	1	Lokasi telah dikenalpasti
Sabak Bernam	1	Dalam cadangan

- b) Kos perbelanjaan untuk tujuan pembinaan baru dan ubah suai pusat bagi setiap pusat pengumpulan produk IKS adalah seperti berikut;

Daerah	Jumlah pusat	Kos
Sepang	1	RM369,000.00
Kuala Langat	1	RM500,000.00
Gombak	1	RM95,000.00
Hulu Langat	1	RM149,092.77
Hulu Selangor	1	Anggaran RM205,000.00
Sabak Bernam	1	Anggaran RM350.000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: PELUANG PEKERJAAN

4. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan di Negeri Selangor semenjak tahun 2008 berdasarkan sektor-sektor pelaburan.

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 negeri Selangor telah Berjaya mewujudkan sebanyak **90,604 peluang-peluang pekerjaan** industri. Pada tahun 2008, Selangor telah mencipta sebanyak **30,980** peluang pekerjaan. Pada tahun 2009, sebanyak **20,753** peluang pekerjaan telah diwujudkan dan diikuti pada tahun 2010 iaitu sebanyak **27,865**. Pada tahun 2011, dari Januari hingga Julai, sebanyak **11,006** peluang-peluang pekerjaan industri diwujudkan.

Sektor-sektor pelaburan yang telah mencipta peluang-peluang pekerjaan tersebut adalah seperti berikut:

Industry	2008	2009	2010	2011 (Januari-Julai)
Food Manufacturing	1651	1915	1424	738
Beverages & Tobacco	129	6	110	85
Textiles & Textiles Product	570	164	199	151
Wood & Wood Products	331	497	345	548
Furniture & Fixtures	2399	1236	1396	546
Paper, Printing & Publishing	1185	512	131	198
Chemicals & Chemicals Products	877	836	816	563
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	78	89	89	21
Rubber Products	2151	982	4089	463
Plastic Products	1107	1081	1135	584

Non-Metallic Mineral Products	496	308	469	246
Basic Metal Products	995	709	959	601
Fabricated Metal Products	1670	1753	1294	339
Machinery & Equipment	2145	3613	3658	468
Electronics & Electrical Products	13059	5202	4599	3073
Transport Equipment	1635	1260	6222	2163
Scientific & Measuring Equipment	163	485	926	63
Miscellaneous	339	105	4	156
Jumlah	<u>30,980</u>	<u>20,753</u>	<u>27,865</u>	<u>11,006</u>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : BANTUAN EKONOMI NEGERI-NEGERI PAKATAN RAKYAT

5. Berkaitan dengan pengumuman YAB Menteri Besar menyediakan peruntukan RM10juta untuk membantu pembangunan ekonomi negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Dari manakah sumber peruntukan tersebut dan siapakah yang akan memantau pengagihan peruntukan tersebut.
- b) Apakah ianya merupakan satu pinjaman kepada Kerajaan Negeri terlibat dan apakah kriteria projek atau program bagi mendapatkan peruntukan tersebut?
- c) Berapakah jumlah had peruntukan bagi setiap negeri?

JAWAPAN :

a,b, c)

Pada masa ini cadangan ini belum lagi dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : YAYASAN BASMI KEMISKINAN

6. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah aset baik dalam bentuk tanah ataupun kewangan yang disumbang kepada Yayasan Basmi Kemiskinan tetapi kini dibekukan dan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memantau dan memastikan bahawa sumbangan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada mana-mana badan kebajikan adalah digunakan secara sebaiknya?

JAWAPAN :

- a) Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) ditubuhkan pada tahun 1990, di bawah Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952. Matlamat asal penubuhan Yayasan adalah untuk menjalankan program sosial, ekonomi dan pendidikan yang bertujuan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan di Negeri Selangor. Manakala dari sudut pembangunan sosial, Yayasan bertanggungjawab membina semula rumah untuk keluarga termiskin yang mendiami rumah usang atau tidak selamat untuk didiami.

Secara keseluruhannya, Yayasan memiliki 1,977.428 ekar tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang mana lokasinya melibatkan beberapa daerah seperti berikut :-

Bil	Daerah/Mukim	No. Hakmilik/Lot	Tarikh Lulus MMKN	Luas (ekar)	Kategori/Syarat Nyata	Bayaran Premium
1	Gombak/ Bandar Rawang	HS(D)56204/ 4746 HS(D)56205/ 4747 HS(D)56206/ 4748 HS(D) 56207/ 4749 HS(D) 56208/ 4750 HS(D) 56209/ 4751	22 Mac 1995	8.5	Bangunan/ Bercampur	RM442,756.00 RM88,783.60
2	Kuala Selangor/ Api- api	HS(D) 1922/ 2516	Tiada Maklumat	5.46	Bangunan/ Perniagaan	Tiada Maklumat

3	Hulu Selangor/ Serendah	-	8 Mac 1995	1,958.768	Bangunan/ Bercampur	RM1,000.00 selot x 33
4	Hulu Selangor/ Serendah	Tiada Maklumat	21.12.1994	4.7	Bangunan/ Perumahan	RM50,148.00 @ RM10,000 sekar
Jumlah				1,977.428		

Sehingga kini, tiada tanah yang dianugerahkan kepada Yayasan Basmi Kemiskinan dibekukan atau dikembalikan kepada kerajaan negeri kerana kes ini dalam proses sebutan mahkamah.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau sumbangan yang diberikan kepada mana-mana badan kebajikan digunakan dengan sebaiknya. Setiap badan kebajikan akan diminta menyerahkan laporan bertulis dan bergambar kepada kerajaan negeri tentang program atau aktiviti yang dijalankan menggunakan sumbangan tersebut. Selain itu, kerajaan negeri juga akan menghantar pegawai-pegawai turun padang untuk melihat pelaksanaan program yang dijalankan oleh badan-badan kebajikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANTUAN SEKOLAH RAKYAT DITERUSKAN

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Adakah berlaku pertambahan sekolah-sekolah yang membuat permohonan?
 - Dengan peruntukan yang ada, adakah ia mencukupi?
 - Berbanding dengan tiga jenis sekolah rakyat (Agama, Cina, Tamil) jenis sekolah manakah yang amat memerlukan bantuan?

JAWAPAN :

- Merujuk kepada Bantuan Pendidikan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), SJKC dan SJKT sejak tahun 2009 sehingga kini, memang berlaku pertambahan sekolah-sekolah yang membuat permohonan bantuan tersebut. Maklumat terperinci mengenai jumlah permohonan adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011
SJKT	31	35	66
SJKC	66	94	72
SAR	114	138	200
Jumlah	211	267	338

- Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejumlah RM 16 Juta kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), SJKC dan SJKT adalah tujuan untuk pembangunan infrastruktur sekolah dan pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan

pada umumnya tidak mencukupi bagi memenuhi permohonan yang dikemukakan oleh sekolah-sekolah di semua daerah Negeri Selangor. Hal ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Pertambahan permohonan bantuan sekolah; dan
 - (ii) Terdapat 90% daripada jumlah permohonan adalah untuk tujuan pembangunan infrastruktur sekolah yang memerlukan jumlah peruntukan yang besar untuk dilaksanakan.
- c) Secara dasarnya Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM 16 Juta dan diagihkan mengikut jenis sekolah sebagaimana berikut:

Tahun	Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Peruntukan
2011	Sekolah Agama Rakyat (SAR)	250 buah	RM 6 JUTA
	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	112 buah	RM 6 JUTA
	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	97 buah	RM 4 JUTA

Oleh itu, perbandingan yang dibuat berdasarkan nisbah bilangan sekolah dengan jumlah peruntukan yang diberikan menunjukkan Sekolah Agama Rakyat (SAR) lebih memerlukan bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: PELABURAN ASING DI NEGERI SELANGOR

8. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
 - a) Berapa banyakkah pelaburan asing di dalam negeri Selangor pada masa kini berbanding tahun 2007.
 - b) Jika ada pelaburan asing, ianya berdaya maju dan mampu untuk menyumbang kepada pendapatan negeri?

JAWAPAN:

- a) **Dari Januari hingga Julai 2011**, negeri Selangor telah berjaya mencatat jumlah pelaburan asing sebanyak **RM3.38 bilion** dengan **73 projek** yang diluluskan. Industri tertinggi yang menyumbang kepada pelaburan asing ini adalah di sektor elektrik dan elektronik sebanyak **RM1.15 billion**. Daripada jumlah projek yang diluluskan ini, ianya telah mewujudkan sebanyak **6,823 peluang pekerjaan** kepada sektor perindustrian.

Berbanding pada tempoh **Januari hingga Julai 2007**, negeri Selangor hanya mencatat **RM2.7 billion** dengan **94 projek** yang diluluskan. Industri elektrik dan elektronik masih menjadi keutamaan pilihan para pelabur. Daripada jumlah projek ini ianya telah mewujudkan sebanyak **9,247 peluang pekerjaan** kepada sektor perindustrian.

- b) Para pelabur merupakan aset utama yang menyumbang kepada ekonomi dan pendapatan negeri Selangor. Jumlah pelaburan dalam sektor perindustrian yang dicapai hingga hari ini menunjukkan bahawa para pelabur bertambah yakin dengan kestabilan ekonomi negeri Selangor terutamanya dalam bidang pembuatan. Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan semua jenis pelaburan kerana ianya akan dapat meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri dan sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat negeri Selangor.

Peningkatan trend jumlah pelaburan asing ke negeri Selangor dari tahun ke tahun menunjukkan bahawa pelaburan tersebut berdaya maju dan Selangor mampu bersaing dengan beberapa negeri lain yang berpendapatan tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PELABURAN

9. Pelaburan luar merupakan salah satu fokus kerajaan negeri sautu ketika dahulu dalam merancakkan ekonomi negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pelaburan dari Timur Tengah di Selangor bagi tahun 2010 dan 2011?
- b) Berapakah nilai pelaburan dari China di negeri Selangor bagi tahun 2010 dan 2011?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelaburan negara-negara Timur Tengah di Selangor bagi tahun 2010 adalah berjumlah **RM380 juta**. Daripada jumlah pelaburan tersebut, ianya berjaya mewujudkan **120 peluang pekerjaan** dan **tiga (3) projek** yang diluluskan.

Manakala bagi tempoh **Januari hingga Julai 2011**, negara-negara ini telah menyumbang pelaburan bernilai **RM517 juta** dengan **28 peluang pekerjaan** daripada **satu (1) projek** yang dilaksanakan.

- b) Dari **Januari hingga Julai 2011**, negara **China** telah berjaya mencatat jumlah pelaburan berjumlah **RM65.814 juta** bagi **6 projek** yang diluluskan. Daripada projek-projek ini ianya telah mewujudkan **627 peluang pekerjaan**.

Bagi tahun 2010, negara **China** mencatat jumlah pelaburan sebanyak **RM67.610 juta** dan mewujudkan **511 peluang pekerjaan** daripada **8 projek** yang diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN ADUN

10. Pada awal tahun 2011, YAB Dato MB mengumumkan Kerajaan Negeri akan memberi Peruntukan RM1juta kepada setiap DUN untuk memperbaiki longkang dan jalan di Selangor. Peruntukan di Kawasan DUN yang dimenangi oleh calon Barisan akan diuruskan oleh EXCO Kerajaan Selangor atau penyelaras Pakatan Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah yang bertanggungjawab mengurus Peruntukan yang disebut di atas?
- b) Nyatakan dengan terperinci penggunaan peruntukan RM3juta bagi ketiga-tiga DUN dalam Hulu Selangor. Senaraikan penggunaan peruntukan ini daripada yang tertinggi hingga ke yang terendah.
- c) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengelakkan kesalahanguna peruntukan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi peruntukan sebanyak RM1 juta bagi setiap Dewan Negeri Selangor bagi pelaksanaan projek MARRIS. Projek-projek yang telah disenaraikan oleh Ahli Dewan Negeri akan disemak oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor. Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset di Perbendaharaan Negeri Selangor akan menyemak "*Bill of Quantity*" yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi setiap projek berdasarkan kepada Jadual Kadar Harga Jabatan Kerja Raya (JKR). Setelah semakan dibuat, Perbendaharaan Negeri Selangor akan memperakukan amaun yang akan diturunkan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kawasan Dewan Negeri di PBT tersebut.

Maka, Perbendaharaan Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan menguruskan peruntukan ini dan memastikan penggunaan peruntukan dibuat mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.

- b) Peruntukan yang telah diluluskan bagi pelaksanaan projek MARRIS Majlis Daerah Hulu Selangor adalah sebanyak **RM2,081,971.00**. Penggunaan peruntukan bagi tiga (3) kawasan DUN di Hulu Selangor adalah seperti berikut:-

Bil	Kawasan Dewan Negeri	Bil Projek	Kos projek (RM)
1.	Kuala Kubu Bharu	20	746,690.00
2.	Hulu Bernam	22	684,456.00
3.	Batang Kali	24	650,825.00
	JUMLAH	66	RM2,081,971.00

Untuk makluman, baki peruntukan sebanyak **RM918,029.00** akan disalurkan kepada Majlis Daerah Hulu Selangor apabila Pihak Berkuasa Tempatan mengemukakan senarai projek baru bagi baki peruntukan tersebut. Sebagaimana prosedur yang telah ditetapkan, senarai projek perlulah dibincangkan bersama dengan Pegawai Penyelaras DUN yang berkenaan dan pelaksanaan projek MARRIS di kawasan Hulu Selangor perlulah selaras dengan prosedur yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri.

- c) Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah dan prosedur untuk memastikan isu penyelewengan peruntukan MARRIS tidak berlaku seperti berikut:-

i. **Kaedah mengenal pasti projek**

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah memberi kuasa kepada Ahli Dewan Negeri untuk mengenal pasti dan mengemukakan projek-projek penyelenggaraan jalan yang hendak dilaksanakan di kawasan masing-masing. Perbincangan mengenai projek tersebut dibuat bersama-sama di antara Ahli Dewan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk disenaraikan dan dilaksanakan pada tahun ini. Kaedah ini adalah berbeza dengan kaedah yang dibuat pada tahun-tahun sebelum ini di mana peruntukan bagi penyelenggaraan jalan sebelum ini diberikan secara terus dan secara "lump-sum" kepada Pihak Berkuasa Tempatan tanpa perlu menyenaraikan projek-projek yang hendak dilaksanakan dan tidak melibatkan Ahli Dewan Negeri.

Berbeza pada tahun 2011 di mana projek MARRIS dilaksanakan dengan penglibatan Ahli Dewan Negeri. Dengan kaedah baru ini, kita boleh menyatakan bahawa peruntukan bagi projek MARRIS tersebut dikawal selia bersama oleh Ahli Dewan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Kaedah baru ini juga dapat memberi hak sama rata kepada setiap kawasan Dewan Negeri di mana setiap kawasan dapat menyenaraikan projek berdasarkan keperluan kawasan. Kaedah ini tentu sekali boleh mengelakkan dari berlakunya penyelewengan dan salah guna peruntukan selain memastikan hanya projek yang mempunyai impak dan praktikal sahaja yang patut diteruskan.

ii. Prosedur

Dari aspek prosedur, permohonan bagi pelaksanaan projek MARRIS perlulah dibincangkan bersama-sama dengan Ahli Dewan Negeri dan disenaraikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kepada keperluan kawasan. Permohonan yang telah diperakui bersama dengan Ahli Dewan Negeri perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor bersama-sama dengan *Bill of Quantity (BQ)*. *Bill of Quantity (BQ)* yang diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan akan disemak oleh Pegawai Teknikal yang berpengalaman dan semakan harga dibuat berdasarkan kepada Jadual Kadar Harga Jabatan Kerja Raya (JKR). Ia juga disemak selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang menetapkan kadar peratus keuntungan diturunkan kepada 12% sahaja. Setelah semakan dibuat, Perbendaharaan Negeri Selangor akan memberi kelulusan berdasarkan kepada nilai BQ yang telah disemak tersebut sama ada dengan pindaan atau tanpa pindaan. Peruntukan yang diluluskan akan disalurkan secara “*direct grant*” kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk proses pelantikan kontraktor.

Bagi memastikan agar peruntukan tidak disalahgunakan, Pihak Berkuasa Tempatan tidak dibenarkan untuk mengubah atau meminda kelulusan yang telah diberikan. Sebarang pindaan atau perubahan perlulah mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor terlebih dahulu.

iii. Pelantikan Kontraktor

Diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan, prosedur perolehan dibuat secara terbuka di mana bagi projek yang bernilai di bawah RM20,000.00 dilaksanakan secara kerja undi manakala projek bernilai RM20,001.00 sehingga RM500,000.00 dilaksanakan secara sebut harga. Projek yang bernilai melebihi RM500,000.00 akan dilaksanakan secara tender.

iv. Audit MARRIS

Perbendaharaan Negeri Selangor akan memastikan Laporan Prestasi Pelaksanaan projek MARRIS dikemukakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan pada 10hb setiap bulan berikutnya bagi tujuan pemantauan. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor juga telah menubuhkan satu pasukan audit bagi pelaksanaan kerja-kerja MARRIS yang dianggotai oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Pasukan audit ini ditubuhkan untuk menjalankan pengauditan kerja secara berterusan di PBT untuk memastikan projek yang dilaksanakan adalah menepati dasar perolehan Kerajaan Negeri iaitu nilai yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (*value for money*). Analisa yang telah dibuat mendapati bahawa Kerajaan Negeri memperoleh penjimatan di antara 10% sehingga 15% apabila projek dilaksanakan secara terbuka di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Dengan usaha ini, kita boleh menyatakan kepada rakyat bahawa setiap projek yang dilakukan oleh kontraktor terbabit di Pihak Berkuasa Tempatan dilakukan dengan cara guna duit rakyat yang nilainya setimpal dengan kerja yang dilakukan. Kerajaan Negeri juga akan dapat melihat kecekapan pengurusan projek dan keuntungan yang diperoleh kontraktor terbabit agar ia sentiasa munasabah dan memberi pulangan yang menguntungkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SYARIKAT BESI BURUK

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Syarikat besi buruk 'Boss Metal Sdn Bhd' bertapak di atas parkir kereta di pekan Subang telah menimbulkan masalah beberapa tahun kebelakangan ini. Apakah tindakan Majlis terhadap syarikat ini?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Y.B, syarikat Boss Metal Sdn Bhd tidak beroperasi di atas parkir kereta sebaliknya beroperasi di atas sebidang tanah di belakang lot kedai beralamat No. 25 & 27, Jalan Taman Subang Jasa 3, Seksyen U6 Shah Alam yang dimiliki oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (KPTG). Pentadbir Tanah Petaling telahpun mengeluarkan Notis Mengosongkan Kawasan kepada Syarikat Boss Metal Sdn Bhd di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara pada 16 Disember 2010. Pihak MBSA telah mengeluarkan notis kompaun kepada pengusaha barang lusuh tersebut seperti berikut:

BIL	ALAMAT PREMIS	TARIKH	TINDAKAN
1.	Bose Metal, No. 25, Taman Subang Jasa 3, Seksyen U6, Shah Alam	9.12.2010	Notis: 119959
2.	Bose Metal, No. 25, Taman Subang Jasa 3, Seksyen U6, Shah Alam	3.3.2011	Notis : 122378
2.	Bose Metal, No. 25, Taman Subang Jasa 3, Seksyen U6, Shah Alam	25.10.2011	Notis dan kompaun

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah prestasi Kerajaan dalam pemulihan projek perumahan terbengkalai sehingga Jun 2011?
 - Sila senaraikan projek terbengkalai di kawasan MPKj dan nyatakan prestasi pemulihan tersebut.
 - Apakah prosedur atau SOP dan kriteria pelantikan pemaju dalam pemulihan tersebut?

JAWAPAN :

- Dengan mengambil kira bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, adalah dimaklumkan sehingga Jun 2011 Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 25 projek yang melibatkan 10,514 unit dari Mac 2008 seperti berikut :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangrupi Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Cresent Sdn. Bhd.	512 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Hotel Damansara (MBPJ)	Pemaju Lama : Sri Damansara S/B Pemaju Baru : Sri Damansara Hotel S/B	1 Blok
18	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Hulu Langat	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
19	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
20	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
21	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
22	Putra Intan Kondominium	Pemaju Asal : Lembah Kerjaya (<i>Telah Digulung</i>) Diambil Alih Oleh Rimburun Capital Sdn Bhd	300 Unit
23	Pangsapuri Perkhidmatan, Suria Kinrara, Kinrara, Puchong (MPSJ)	Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1,131 Unit
24	Lagoon Perdana, Subang Jaya	Pemaju : Tenaga Gagah S/B Diambilalih Oleh IJM Construction	1,052 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
25	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria	Tetuan JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	252 Unit
Jumlah Pembeli/Unit		10,514 unit	

- b) Sehingga 30 September 2011, terdapat sebanyak 12 projek perumahan terbengkalai yang dikenal pasti di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang melibatkan 4,150 pembeli. Senarai dan prestasi pemulihan projek terbengkalai seperti berikut :

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	STATUS
1.	Pembangunan Perumahan 110 unit pangsapuri kos rendah 12 tingkat, 24 unit rumah kos sederhana 2 tingkat, 240 unit pangsapuri 16 tingkat, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Telah Digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - Pelikuidasi iaitu Crowe Howarth sedang berkerjasama dengan pemaju penyelamat iaitu Gale Force Sdn Bhd bagi memulihkan projek tersebut yang melibatkan 413 unit. - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT.
2.	Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya) yang mengandungi 1,000 Unit Pangsapuri Kos Rendah, 1,000 Unit Kos Sederhana Rendah, 600 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, Mukim Ulu Semenyih, Daerah Ulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Telah Digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Tinggi Ipoh telah melantik Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan Shah Alam sebagai pelikuidasi sementara dan dalam tindakan melantik liquidator. - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT bagi melantik pemaju penyelamat.

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	STATUS
3.	Taman Kelisa Ria, Kampung Keramat Tangkas, Jalan Reko yang mengandungi 500 unit perumahan Kos Rendah di Kampung Sungai Tangkas Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Plaza Bhd. TJ Sdn.	<ul style="list-style-type: none"> - Projek berjalan amat perlahan dengan kemajuan kerja 75%-95%. - Pemaju menghadapi masalah meneruskan projek kesan daripada kenaikan bahan binaan. Cadangan pemulihan akan dibentangkan di KPKT pada hujung tahun ini. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT
4.	Projek Perumahan yang mengandungi 70 Unit (28 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A & 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B, Kg. Sg. Ramal, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan ZM Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Pemaju penyelamat iaitu Rimbun Capital Sdn Bhd telah menarik diri untuk memulihkan projek tersebut disebabkan projek defisit. - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT.
5.	Taman Cheras Idaman, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	Lingkaran Nur	<ul style="list-style-type: none"> - Projek diambilalih oleh Hartanah Wajib melalui pembelian dengan Jabatan Insolvensi Malaysia pada 25 Jun 2010. - 50 pembeli akan mengadakan perbincangan penyelesaian dengan pemaju samada memilih tawaran meneruskan projek dengan kos tambahan atau pemaju membeli semula tanah tersebut. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT
6.	Projek Perumahan Di Taman Kajang Villa Yang Mengandungi 1 Blok RPKR 12 Tgkt dan 600 Unit Kediaman, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Villaraya Management Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> - Bangunan telah siap 100% walaubagaimanapun kelulusan pelan bangunan tidak mengikut kelulusan asal. - Pemaju dalam permohonan 'power to stay winding up' bagi memulihkan projek ini. Cadangan pemulihan akan dibentangkan di

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	STATUS
			<p>KPKT pada hujung tahun ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT
7.	Projek Perumahan di Taman Bahagia Indah , Mukim Kajang, Daerah Ulu Langat.	Tetuan Bahagia Indah Properties Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak disebabkan pemaju menghadapi masalah kewangan. - Dalam tindakan penggulungan melalui permohonan Cribon Concrete(M) Sdn Bhd. - Pemaju tanpa lesen
8.	Projek Pembesaran Kg. Titiwangsa Yang Mengandungi 87 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Projek berjalan amat perlahan dengan kemajuan pembinaan 95 % siap dalam proses permohonan CF. - Faktor terbengkalai disebabkan membina bangunan sebelum kelulusan diberikan. - Pemaju tanpa lesen
9.	Projek Perumahan di Taman Sri Raya Yang Mengandungi 152 Unit RT Kos Rendah 2, 40 Unit RT Kos Rendah, 105 Unit RT Kos Sederhana Rendah, 105 Unit Rumah Teres Kos Sederhana & 5 Unit Rumah Kedai, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat .	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd (telah digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak - Wakil penduduk menuntut keseluruhan bayaran pampasan dibayar kepada pembeli (refund) dan PNSB sedang mengambil tindakan perundangan bagi menuntut kos terhadap pemaju - Pemaju tanpa lesen.

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	STATUS
10.	Projek Perumahan Taman Padang Tembak Yang Mengandungi 29 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - 11 unit telah didiami penduduk dan 18 unit terbengkalai - Tanah masih berstatus pertanian dan hakmilik individu telah dikeluarkan. - Pemaju tidak dapat dikesan bagi membincangkan penyelesaian menyiapkan 10%-30% kerja-kerja pembinaan. - Pemaju tanpa lesen
11.	Projek Perumahan Taman Ilham Perdana Sejoli , Rumah Berkembar 1 Tingkat, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak - Jalan masuk ke tapak projek tidak dapat dilalui kerana semak yang tebal dan keadaan jalan yang teruk. - Pemaju tidak dapat dikesan bagi membincangkan penyelesaian ini. - Pemaju tanpa lesen
12.	Projek Evergreen Homes	Averise Acres Holdings Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> - Sebanyak 4 unit rumah contoh siap 100 % daripada 21 unit dibina. - Walaubagaimanapun, kedudukan tapak terletak dalam kecerunan kelas III. - Tiada kelulusan pembangunan - Pemaju tanpa lesen

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak mempunyai bidang kuasa atau "*locus standi*" untuk melantik pemaju bagi memulihkan projek terbengkalai dan seterusnya untuk menentukan prosedur dan kriteria pelantikan pemaju tersebut. Ini berbeza dengan projek-projek yang berdaftar dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta

Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, di mana pihak KPKT mempunyai kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 118 dengan mengambil alih, memberhentikan atau melantik pemaju baru bagi memulihkan projek terbengkalai.

Walaubagaimanapun, bagi pemaju di bawah pelikuidasi maka pemaju penyelamat perlulah mengadakan rundingan terus dengan pelikuidasi atau melalui tender yang diadakan oleh pelikuidasi. dan melantik pemaju penyelamat manakala pemaju asal .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BANDAR PETALING JAYA

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah infrastruktur (paip air, bekalan elektrik, saliran, pembetungan, jalan raya, ruang tanah) di bandar Petaling Jaya mencukupi untuk menampung pembangunan baru dan pembangunan pesat?
 - b) Adakah pihak kerajaan negeri akan menaikkan taraf infrastruktur dan kemudahan awam di bandar Petaling Jaya?
 - c) Bagaimanakah pihak kerajaan negeri akan melakukan penaikan taraf infrastruktur dan kemudahan awam di bandar Petaling Jaya dan berapa banyak (RM), secara terperinci, yang telah diperuntukkan untuk kerja-kerja naik taraf bagi tahun 2009, 2010 dan 2011?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH KERAJAAN DIBERIMILIK KEPADA SELANGOR
INDUSTRIAL CORPORATION SDN BHD (SIC)**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan, jika ada, yang telah diberimilik kepada SIC?
 - b) Berapakah keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh SIC?
 - c) Berapakah cukai tanah tertunggak, jika ada, yang masih belum dibayar oleh SIC?

JAWAPAN :

- a), b) & c) Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd (SIC) tidak pernah diberimilik terus tanah kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

**TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT
SAUJANA IMPIAN, KAJANG**

15. Pertambahan pembukaan taman-taman perumahan dan juga taman-taman perindustrian baru dari kawasan Mukim Kajang, Mukim Hulu Semenyih, Mukim Semenyih dan Mukim Beranang telah menyebabkan kesesakan lalulintas terutama pada waktu puncak (hujung minggu dan bulan-bulan perayaan) di persimpangan lampu isyarat di persimpangan Saujana Impian, Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di Persimpangan Lalulintas Saujana Impian tersebut

JAWAPAN :

- a) Pihak MPKj telah melantik Perunding TIA & RSA bagi mengkaji masalah kesesakan Lalu lintas di Jalan Kajang By Pass dan kajian dijangka siap sepenuhnya pada bulan November 2011.

Perancangan untuk jangka pendek, MPKj dengan kerjasama polis dan Grand Saga Sdn. Bhd. melaksanakan laluan '*free flow*' untuk tempoh percubaan dari arah Semenyih untuk melancarkan trafik di persimpangan lampu isyarat Saujana Impian.

Perancangan jangka panjang, melaksanakan laluan '*free flow*' tersebut secara kekal setelah mendapat maklum balas dari pihak polis dan penduduk Saujana Impian. Walau bagaimanapun bergantung kepada peruntukan kewangan pihak Majlis.

Selain daripada itu, bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan tersebut, terdapat satu jalan (100 kaki) yang dirancang untuk disambungkan di lebuh raya SILK dipersimpangan masuk ke Taman Bukit Palma hingga ke jalan Kajang By Pass di persimpangan Desa Impian. Pembinaan jalan 100 kaki tersebut akan dibina berdasarkan sumbangan pemaju-pemaju yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: ADAT RESAM & KEBUDAYAAN

16. Selangor terbahagi kepada sembilan daerah dan diterajui oleh Majlis Kebudayaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sokongan kerajaan negeri kepada badan ini di dalam memulihara kebajikan dan pencapaiannya dalam memperkayakan identiti budaya, kaum majoriti rakyat negeri Selangor .

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri Selangor telah bekerjasama dengan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor (MKNS) untuk melaksanakan program-program yang dirancang pada tahun ini ke semua daerah di Negeri Selangor dalam usaha memperkasakan identiti budaya yang merangkumi pelbagai kaum dan lapisan masyarakat.

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 setahun sebagai geran tahunan kepada Majlis Kebudayaan Negeri Selangor (MKNS) bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan mentadbir urus MKNS. Melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan, Kerajaan Negeri telah memanfaatkan peranan MKNS dengan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan beberapa aktiviti seperti Festival Jalanan Daerah di seluruh Negeri Selangor. Program yang berbentuk edutainment ini dipersembahkan melalui pameran-pameran yang melibatkan kesenian kebudayaan seperti pameran busana, demonstrasi dan mencuba menggunakan peralatan muzik tradisional, demonstrasi seni mempertahankan diri, dan pertandingan permainan-permainan sukan rakyat dan tradisional, pertandingan kompong berirama serta persembahan kesenian kebudayaan daerah.

Melalui program ini juga, MKNS dapat menggerakkan Majlis Kebudayaan Daerah dan badan-badan gabungan di bawah naungan MKNS disamping dapat memberi peluang kepada badan-badan berkenaan meneruskan hasrat murni Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasakan dan memperkayakan identiti budaya yang pelbagai kaum di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : GERAN INDIVIDU TAMAN MURNI SEPANG

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini bagi perkara di atas?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri mengambil tindakan serius ke atas permohonan hak milik individu di Taman Murni 1, Sepang kerana pemaju Projek Taman berkenaan (Tetuan Asastani Sdn. Bhd.) tidak menyelesaikan masalah dengan pembeli-pembeli sehingga cukai tanah tertunggak sebanyak RM181,127.10.

Berikut dengan itu;

1. MMKN Bil. 42/2010 bertarikh 01.12.2010 telah menimbang dan meluluskan supaya pemberimanikan tanah kepada pembeli di Taman Murni 1, Sepang seperti berikut:-
 - i) Melaksanakan perampasan tanah di bawah Seksyen 100, KTN kerana pemilik tanah gagal membayar cukai tanah tertunggak sehingga tahun 2010 berjumlah RM181,127.10.
 - ii) Setelah perampasan dibuat dan status tanah menjadi Tanah Kerajaan, tanah-tanah tersebut akan diberi milik kepada pembeli-pembeli yang terlibat berdasarkan permohonan Borang Jadual 1 yang dikemukakan.
 - iii) Setiap pembeli dikenakan premium sebanyak RM100.00 bagi rumah kediaman dan RM1000.00 bagi rumah kedai.

- iv) Kerja-kerja ukur akan dibuat secara bidaan dan hendaklah disiapkan dengan kadar segera, kos upah penyediaan pelan akan ditanggung oleh pemilik lot terlibat bagi membolehkan Sijil Akuan Ukur disediakan bagi baki 242 plot.
 - v) Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dilantik sebagai penyelaras untuk berurus dengan Persatuan Penduduk Berdaftar dan PTD Sepang sehingga hak milik individu dikeluarkan.
2. MMKN Bil. 31/2011 bertarikh 28.09.2011 telah menimbang dan meluluskan permohonan pelupusan secara berkelompok pemberimilikan Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara di Taman Murni 1, Sepang, Daerah Sepang bagi tujuan bangunan kediaman dan perniagaan.
3. Setakat ini Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dalam proses menguruskan kutipan bayaran daripada pemohon-pemohon dan penyediaan Pelan-Pelan SPTB dengan Jurukur yang dilantik bagi tujuan pendaftaran hak milik individu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah rancangan kerajaan negeri dalam pengurusan sisa pepejal selepas tamat perkhidmatan Alam Flora di negeri Selangor?
 - Berapakah jumlah kos diperlukan untuk mengurus sisa pepejal di negeri Selangor setiap tahun dengan mengikut PBT?

JAWAPAN :

- Berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Kerajaan Negeri telah membuat keputusan agar semua PBT menyerap kontraktor sedia ada di bawah seliaan pihak Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) secara interim sehingga 31 Disember 2011. Walau bagaimanapun, setelah tempoh interim tersebut berakhir, Kerajaan Negeri mengarahkan agar pihak PBT melakukan proses secara sebut harga / tender terbuka bagi pemilihan kontraktor.
- Jumlah kos yang diperuntukkan oleh semua PBT di Selangor bagi menguruskan pengurusan sisa pepejal setiap tahun adalah seperti di **Lampiran A**.

Lampiran A.

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH KOS SETAHUN (RM)
1	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	19,507,425.00
2	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	16,000,000.00
3	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	26,000,000.00
4	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	16,8000,000.00
5	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	20,500,000.00
6	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	2,160,000.00
7	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	20,184,680.00
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	7,429,338.00
9	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	3,600,000.00
10	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	3,200,000.00
11	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	6,392,351.40
12	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	3,078,622.30
JUMLAH KESELURUHAN		144,716,416.70

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: PROGRAM JOM SHOPPING

19. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah perbelanjaan kerajaan seria jumiah penyertaan bagi program 'Jom Shopping' yang melibatkan golongan usia emas menurut kawasan Dewan Negeri pada tahun ini.

JAWAPAN:

- a) Sehingga 27hb Oktober 2011 sejumlah 20,382 orang warga emas yang berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas telah dibawa berbelanja di pasaraya-pasaraya yang mengambil bahagian. Dengan jumlah tersebut juga, Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya membelanjakan sejumlah RM 2,038,200.00 keseluruhannya. Namun sehingga tarikh di atas, Kerajaan Negeri telah membayar sejumlah RM 1,042,000.00 kepada semua pasaraya yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK: PROGRAM MAMOGGRAM PERCUMA KEPADA WANITA SELANGOR
(MAMMOSEL)**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terbaru program ini dan beri statistik yang wanita yang telah berdaftar mengikut daerah dan DUN?

JAWAPAN :

- a) Setakat 30 September 2011 seramai 11,541 wanita di Selangor telah mendapat manfaat daripada pemeriksaan mammogram percuma yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Hasil daripada program ini, seramai 127 wanita disyaki menghidap penyakit kanser telah berjaya dikesan. Statistik wanita yang telah berdaftar mengikut daerah dan DUN adalah seperti berikut:

No	Daerah	Jumlah	DUN		Jumlah
1	Sabak Bernam	1417	N1	Sungai Ayer Tawar	397
2			N2	Sabak	284
3			N3	Sungai Panjang	485
4			N4	Sekinchan	251
5	Hulu Selangor	520	N5	Hulu Bernam	64
6			N6	Kuala Kubu Bahru	83
7			N7	Batang Kali	373
8	Kuala Selangor	1070	N8	Sungai Burong	406
9			N9	Permatang	267
10			N10	Bukit Melawati	90
11			N11	Ijok	282
12			N12	Jeram	25
13	Gombak	1027	N13	Kuang	131
14			N14	Rawang	179
15			N15	Taman Templer	114
16			N16	Batu Caves	297
17			N17	Gombak Setia	220
18			N18	Hulu Kelang	86
19	Hulu Langat	1082	N19	Bukit Antarabangsa	152
20			N20	Lembah Jaya	77

21			N21	Cempaka	187
22			N22	Teratai	296
23			N23	Dusun Tua	177
24			N24	Semenyih	26
25			N25	Kajang	72
26			N26	Bangi	35
27			N27	Balakong	60
28	Petaling	2251	N28	Sri Kembangan	352
29			N29	Sri Serdang	229
30			N30	Kinrara	221
31			N31	Subang Jaya	353
32			N32	Seri Setia	55
33			N33	Taman Medan	158
34			N34	Bukit Gasing	37
35			N35	Kampung Tunku	243
36			N36	Damansara Utama	30
37			N37	Bukit Lanjan	183
38			N38	Paya Jaras	166
39			N39	Kota Damansara	224
40	Petaling dan Klang	196	N40	Kota Anggerik	58
41			N41	Batu Tiga	138
42	Klang	1784	N42	Meru	247
43			N43	Sementa	94
44			N44	Sungai Pinang	147
45			N45	Selat Klang	309
46			N46	Pelabuhan Klang	0
47			N47	Pandamaran	51
48			N48	Kota Alam Shah	0
49			N49	Seri Andalas	793
50			N50	Sri Muda	143
51	Kuala Langat	1373	N51	Sijangkang	259
52			N52	Teluk Datuk	712
53			N53	Morib	402
54	Kuala Langat dan Sepang	744	N54	Tanjong Sepat	429
55			N55	Dengkil	35
56			N56	Sungai Pelek	280
57				Kakitangan Kerajaan	77
			Jumlah		11,541

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KUTIPAN HASIL PASIR

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah hasil pasir yang dikutip oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd pada tahun 2008-2011?
 - Berapakah hasil royalti yang diterima oleh Kerajaan Selangor daripada hasil jualan pasir sepanjang 2008-2011?
 - Kemanakah wang royalti tersebut digunakan?

JAWAPAN :

- a) Rekod pendapatan dari jualan pasir KSSB dari September 2008 sehingga September 2011 adalah seperti berikut;

Prestasi	2008 (Sept - Dis)	2009	2010	2011 (Jan - Sept)	Jumlah
- b) Bagi Bayaran Peringkat Pertama, 215 orang penerima adalah daripada kaum Melayu, 43 orang penerima kaum Cina dan 44 orang penerima daripada kaum India.

Daripada jumlah di atas, yang telah menerima Bayaran Peringkat Kedua terdiri daripada 200 orang daripada kaum Melayu, 34 orang daripada kaum Cina dan 38 orang daripada kaum India.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : PUSAT MESIN KUDA HARAM

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah pusat mesin kuda haram telah muncul dalam Negeri Selangor pada kebelakangan ini?
 - Apakah tindakan PBT terhadap kemunculan pusat mesin kuda haram?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, bilangan pusat mesin kuda haram yang terdapat di negeri Selangor adalah seperti berikut

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PUSAT MESIN KUDA HARAM
1.	MBSA	8
2.	MBPJ	86
3.	MPK	Tiada maklumat
4.	MPAJ	-
5.	MPSJ	92
6.	MPS	3
7.	MPKj	28
8.	MPSp	68
9.	MDKS	Tiada maklumat
10.	MDHS	7
11.	MDKL	-
12.	MDSB	19
JUMLAH		

- b) Pihak Berkuasa Tempatan sering mengadakan operasi penguatkuasaan ke atas premis-premis yang disyaki pusat mesin kuda haram. Tinjauan secara penyamaran akan dilaksanakan dengan lebih kerap bagi mendapatkan maklumat dan mengesan premis-premis mesin kuda haram. Premis-premis yang didapati menjalankan aktiviti mesin kuda haram akan dikenakan tindakan kompaun, sitaan premis dan rampasan terhadap barang di premis tersebut seperti monitor dan CPU. Di samping itu juga, operasi bersepadu bersama agensi luar terutamanya PDRM dan Agensi Anti Dadah kebangsaan juga amat membantu di dalam membanteras kemunculan pusat mesin kuda haram di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: JUMLAH PERMOHONAN PEMILIKAN TANAH

39. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah permohonan pemilikan tanah untuk tujuan kediaman oleh rakyat negeri Selangor serta jumlah permohonan yang telah diluluskan. Sila nyatakan perincian menurut daerah.

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan pemilikan tanah untuk tujuan kediaman oleh rakyat negeri Selangor serta jumlah permohonan yang telah diluluskan sejak Mac 2008 adalah seperti berikut :

BIL	DAERAH	BIL PERMOHONAN	BIL DILULUSKAN
1.	PETALING	320	265
2.	KLANG	47	2
3.	GOMBAK	829	tiada
4.	HULU LANGAT	198	277
5.	KUALA LANGAT	63	5
6.	KUALA SELANGOR	174	45
7.	SABAK BERNAM	342	131
8.	HULU SELANGOR	973	105
9.	SEPANG	597	344
JUMLAH		3543	1174

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: KEMEROSOTAN PENDAFTARAN MAHASISWA BARU DI UNISEL

40. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Jumlah mahasiswa baru yang mendaftar di Universiti Selangor pada sesi 2010 dan sesi awal 2011 adalah pada tahap yang membimbangkan. Berapakah jumlah kemasukan mahasiswa baru untuk sesi September 2011 dan apakah alasan kemerosotan pendaftaran pada sesi 2010 dan awal 2011.

JAWAPAN:

- a) Kemasukan September 2011 adalah menggalakkan memandangkan sesi kemasukan ini adalah semester pendek. Pihak Unisel menjangkakan jumlah kemasukan akan bertambah pada semester Disember 2011 kelak dengan pelantikan Pengarah Pemasaran yang baru dan giat menjalankan usaha untuk mendapatkan pelajar. Jumlah Kemasukan Pelajar Baru bagi Sesi September 2011 ialah 858 pelajar (*Data setakat 25 Oktober 2011*). Penurunan jumlah pelajar pada sesi kemasukan sebelum ini adalah berpunca dari kelemahan strategi pemasaran yang telah dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : ENAKMEN UNDANG-UNDANG NEGERI

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah enakmen-enakmen undang-undang negeri telah dilakukan dan apakah mereka? Sila senaraikan.
 - Siapakah yang boleh membuat enakmen undang-undang yang baru?
 - Siapakah yang terlibat dalam proses untuk meluluskan sesebuah enakmen yang baru?

JAWAPAN :

- Sehingga tahun 2011 terdapat sebanyak **82** enakmen Negeri Selangor dan senarai enakmen adalah seperti di lampiran.
- Draf undang-undang dibuat oleh jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan atau badan-badan berkanun mengikut keperluan jabatan atau agensi berkenaan.

Kemudian, draf akan disemak dari sudut undang-undang oleh Penasihat Undang-undang Negeri sebelum diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di dalam Dewan Negeri untuk kelulusan.

- Proses untuk meluluskan sesebuah enakmen yang baru ada dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 (UUTKS) iaitu seperti yang berikut:

Fasal (1) Perkara LXXVIII UUTKS memperuntukkan bahawa "*Kuasa Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang hendaklah dijalankan melalui Rang Undang-Undang yang*

diluluskan oleh Dewan Negeri dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia.”

Perkara LXXXI UUTKS pula memperuntukkan bahawa “*Semua undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri hendaklah dinamakan “Enakmen” dan perkataan memperbuat undang-undang hendaklah “diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri Selangor”.*

Secara kesimpulannya, draf undang-undang yang telah disediakan oleh jabatan kerajaan, agensi kerajaan ataupun badan berkanun hendaklah dikemukakan ke Penasihat Undang-undang Negeri untuk semakan.

Seterusnya, jabatan kerajaan, agensi kerajaan ataupun badan berkanun yang menyediakan draf undang-undang tersebut hendaklah membentangkan undang-undang tersebut di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sebelum dibentangkan di dalam Dewan Negeri untuk diluluskan dan seterusnya untuk dikuatkuasakan.

LAMPIRAN

SENARAI ENAKMEN NEGERI SELANGOR

BIL.	ENAKMEN
1.	Selangor King George V Silver Jubilee Enactment 1937 Enakmen King George V Silver Jubilee Negeri Selangor 1937
2.	Town Boards Enactment (F.M.S. CAP 137) Enakmen Lembaga Bandaran (N.M.B. Bab 137)
3.	Malay Reservations (F.M.S. Cap. 142) Enakmen Rizab Melayu (F.M.S. CAP. 142)
4.	Municipal Ordinance (F.M.S. CAP 133)
5.	Selangor State Scholarship Fund Enactment 1949 Enakmen Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor 1949
6.	Kathi Court Fees Enactment 1949
7.	Constitution Of The Municipality Of Kuala Lumpur (G.N. 351/51)

8.	Selangor Nationality Enactment 1952
9.	Victoria Institution Trust Funds (Transfer Of Power) Enactment 1952
10.	<p>State Secretary Selangor (Incorporation) Enactment 1955</p> <p>Enakmen Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pemerbadanan) 1955</p>
11.	Petition Writer Enactment 1957
12.	Federal Constitution Enactment 1957
13.	Petaling Jaya (Special Provisions And Amendment) 1958
14.	<p>State Service Commission (Remuneration) Enactment 1959</p> <p>Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Saraan) 1959</p>
15.	<p>Civil List Enactment 1959</p> <p>Enakmen Peruntukan Diraja 1959</p>
16.	<p>Loan (Water Supplies) Enactment 1960</p> <p>Enakmen Pinjaman (Bekalan Air) 1960</p>
17.	Compassionate Allowance (Her Highness Tengku Ampuan Raja Jema'ah Binti Raja Ahmad) Enactment 1961

18.	<p>Loan (Group Settlement Schemes) Enactment 1961</p> <p>Enakmen Pinjaman (Skim Penempatan Berkumpulan) 1961</p>
19.	<p>Loan (Low Cost Housing Schemes) Enactment 1961</p> <p>Enakmen (Rancangan Rumah Murah) Pinjaman 1961</p>
20.	<p>Age Majority (Adoption) Enactment 1961</p>
21.	<p>Emblems And Names (Prevention Of Improper Use) Enactment 1962</p>
22.	<p>Fisheries (Adoption) Enactment 1963</p> <p>Enakmen Perikanan (Pemakaian) 1963</p>
23.	<p>Loan (Industrial Site Development Project) Enactment 1964</p> <p>Enakmen Pinjaman (Projek Pembangunan Tapak Perusahaan) 1964</p>
24.	<p>Selangor State Development Corporation Enactment 1964</p> <p>Enakmen Pemerbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964</p>
25.	<p>Married Woman And Children (Enforcement Of Maintenance) (Application To Selangor) Enactment 1968</p> <p>Enakmen (Menguatkuasakan Nafkah) (Pemakaian Kepada Negeri Selangor) Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak 1968</p>

26.	Control Of Cattle Enactment 1971 Enakmen Mengawal Lembu-Lembu 1971
27.	Selangor Agricultural Development Corporation Enactment 1972 Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor 1972
28.	Loans (Business Complex Projects) Enactment 1973 Enakmen (Projek Kompleks Perniagaan) Pinjaman 1973
29.	Federal Territory Enactment 1973 Enakmen Wilayah Persekutuan 1973
30.	Composition Of Elected Members Of The Selangor Legislative Assembly Enactment 1973 Enakmen Bilangan Ahli-Ahli Yang Dipilih Bagi Dewan Undangan Negeri Selangor 1973
31.	Legislative Assembly (Member Remuneration) (Validation And Indemnity) Enactment 1976 Enakmen Dewan Negeri (Saraan Ahli-Ahli) (Pengesahan Dan Tanggungan) 1976
32.	Special Pension (Widows Of Rulers) Enactment 1977 Enakmen Pencen Khas (Balu Pemerintah) 1977
33.	Loan Guarantee Enactment 1977 Enakmen Gerenti Pinjaman 1977
34.	Forest Royalty Rate Validation And Indemnity Enactment 1978 Enakmen Pengesahan Kadar Royalti dan Tanggunrugi Perhutanan 1978

35.	Klang Town Council Rates Validation And Indemnity Enactment 1979 Enakmen Pengesahan Kadar Bayaran dan Tanggunrugi Majlis Bandaran Klang 1979
36.	Klang Municipal Council Rates Validation And Indemnity Enactment 1979 Enakmen Pengesahan Kadar Bayaran dan Tanggunrugi Majlis Bandaran Klang 1979
37.	Ulu Selangor District Council Rates Validation And Indemnity Enactment 1979 Enakmen Pengesahan Kadar Bayaran dan Tanggunrugi Majlis daerah Ulu Selangor 1979
38.	Members Of The Administration And The Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980
39.	Loans (New Township Development Project) Enactment 1982 Enakmen Pinjaman (Projek Pembangunan Bandar Baru) 1982
40.	Loans (Irrigation Projects) Enactment 1982
41.	Loan (Sewerage Project) Enactment 1982 Enakmen Pinjaman (Projek Pembentungan Najis) 1982
42.	Interpretation (States of West Malaysia) Adoption By Selangor) Enactment 1983 Enakmen Tafsiran (Negeri-Negeri Malaysia Barat) (Penerimaan oleh Negeri Selangor) 1983
43.	Loans (Compensatory Forest Estate Project) Enactment 1983 Enakmen Pinjaman (Projek Ladang Hutan Kompensatori) 1983

44.	National Forestry Act (Adoption) Enactment 1985 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985
45.	Wood-Based Industries Enactment 1985 Enakmen Industri Berasas Kayu 1985
46.	Collection of Tolls (Private Roads) Enactment 1986 Enakmen Mengutip Tol (Jalan-Jalan Persendirian) 1986
47.	Loan (Salary Arrears On Cabinet Salary Committee Report) Enactment 1987 Enakmen Pinjaman (Tunggakan Gaji Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet) 1987
48.	Non-Islamic Religions (Control of Propagation Amongst Muslims) Enactment 1988 Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988
49.	Control of Islamic Religious Schools Enactment 1988 Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988
50.	Loan (Sungai Selangor Scheme) Enactment 1990 Enakmen Pinjaman (Skim Air Sungai Selangor) 1990
51.	Tabung Warisan Enactment 1991 Enakmen Tabung Warisan 1991
52.	Control of Pig Farming Enactment 1991 Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991

53.	Syariah Civil Procedure Code Enactment 1991 Enakmen Kanun Prosedur mal Syariah 1991
54.	Menteri Besar Selangor (Incorporation) Enactment 1994 Enakmen Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) 1994
55.	Putrajaya (Performance of Functions) Enactment 1995 Enakmen Putrajaya (Pelaksanaan dan Fungsi) 1995
56.	Entertainment and Places of Entertainment Enactment 1995 Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1995
57.	Syariah Criminal Offences (Selangor) Enactment 1995 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
58.	Syariah Evidence Enactment 1996 Enakmen Keterangan Syariah 1996
59.	Water Supply Enactment 1997 Enakmen Perbekalan Air 1997
60.	Wakaf (State of Selangor) Enactment 1999 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999
61.	Muslims Wills (Selangor) Enactment 1999 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999

62.	Selangor Water Management Authority Enactment 1999 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999
63.	Mineral (Selangor) Enactment 2000 Enakmen Mineral (Selangor) 2000

64.	Shah Alam City Council Enactment 2000 Enakmen Majlis Bandaraya Shah Alam 2000
65.	Water Supply (Successor Company) Enactment 2001 Enakmen Bekalan Air (Syarikat Pengganti) 2001
66.	Statutory Bodies (Discipline And Surcharge) (Selangor) Enactment 2001 Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) (Selangor) 2001
67.	Selangor Housing And Real Property Board Enactment 2001 Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2001
68.	Administration Of The Religion Of Islam (State Of Selangor) Enactment 2003 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
69.	Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
70.	Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) Enactment 2003 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

71.	Syariah Criminal Procedure (State Of Selangor) 2003 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003
72.	Syariah Court Evidence (State Of Selangor) Enactment 2003 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

73.	Reversion of Laws (State of Selangor) 2009 (7/2003) Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1)
74.	Syariah Criminal Procedure (State of Selangor) Enactment 2003 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003
75.	Fisheries Act (Adoption) Enactment 2005 Enakmen (Pemakaian) Akta Perikanan 2005
76.	Selangor State Parks Corporation Enactment 2005 Enakmen Perbadanan Taman Negeri Selangor 2005
77.	Petaling Jaya City Council Enactment 2006 Enakmen Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2006
78.	Poultry Farming (State Of Selangor) Enactment 2007 Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007

79.	Contempt of the House (State of Selangor) Enactment 2009 Enakmen Penghinaan Dewan (Negeri Selangor) 2009
80.	State of Selangor Malay Custom and heritage Corporation Enactment 2009 Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009
81.	Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011
82.	Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH KERAJAAN DIBERIMILIK KEPADA KUMPULAN
SEMESTA SDN BHD (KSSB)**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan, jika ada, yang telah diberi milik kepada KSSB?
 - b) Berapakah keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh KSSB?
 - c) Berapakah cukai tanah tertunggak, jika ada, yang masih belum dibayar oleh KSSB?

JAWAPAN :

- a) Tiada tanah kerajaan yang telah diberi milik kepada KSSB.
- b) Tiada.
- c) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : INDUSTRI AIR SELANGOR

43. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan rancangan penstrukturran semula industri air Selangor?

JAWAPAN :

- a) Rundingan mengenai penstrukturran semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Sebagai keutamaan di dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturran semula ini, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menitik beratkan faktor kepentingan pengguna dan nilai *fair market value* yang akan ditawarkan kepada Syarikat Konsesi Air supaya hasil dari penstrukturran itu kelak tidak membebankan pengguna dan tidak merugikan mana-mana pihak.

Bagi merealisasikan cadangan penstrukturran tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak tiga (3) kali, ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

GROSS (RM/juta)	ABASS	SPLASH	PUNCAK	SYABAS	TOTAL
Tawaran (1) 13.02.2009	525	2,064	1,608	1,512	5,709
Tawaran (2) 25.06.2009	946	2,975	1,936	3,361	9,218
Tawaran (3) 06.01.2011	402	2,772	2,040	4,013	9,227

Syarikat Konsesi Air telah menolak tawaran yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi. Pemegang Konsesi Air Negeri Selangor iaitu Syarikat Bekalan Air Sdn Bhd (SYABAS), Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH), Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB) dan Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS) mengeluarkan nota hutang seperti berikut:

Pengeluar Nota Hutang	Jenis Nota Hutang
SYABAS	<p>RM3.0 billion</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bai Bitahaman Ajil Commercial Paper (BBA CP); dan • Bai Bitahaman Ajil Medium Term Note (BBA MTN)
PNSB	<ul style="list-style-type: none"> • RM1.02 billion Bai Bitahaman Ajil Islamic Debt Securities (BALDS) • RM546.88 juta Junior Notes A (A Notes) • RM435.0 juta Redeemable Unsecured Bonds (RUB)
SPLASH	<ul style="list-style-type: none"> • RM 385.0 juta Murabahab Medium Term Note (MMTN) • RM50.0 juta Murabahab Commercial Paper (MCP)
Titisan Modal Sdn Bhd (TMSB)	<ul style="list-style-type: none"> • RM738.0 juta Fixed Rate Serial Bonds (FRSB)

Pada 11 April 2011, Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC), satu institusi penarafan kredit domestik yang ditubuhkan pada tahun 1995, telah membuat pengumuman menurunkan taraf nota hutang yang dikeluarkan oleh kesemua Syarikat Konsesi Air Selangor seperti berikut:-

Pengeluar Nota Hutang	Jenis Nota Hutang	Penarafan Dahulu	Penarafan 11 April 2011	Catatan
SYABAS	<ul style="list-style-type: none"> • BBA CP • BBA MTN 	MARC-1 A+	MARC-3 BBB	Penurunan Taraf
PNSB	• BALDS	A+	BBB	Penurunan

	<ul style="list-style-type: none"> • A Notes • RUB 	A-	BB+	Taraf
SPLASH	<ul style="list-style-type: none"> • MMTN • MCP 	A MARC-2	BBB MARC-3	Penurunan Taraf
Titisan Modal Sdn Bhd (TMSB)	<ul style="list-style-type: none"> • FRSB 	AA+	B	Penurunan Taraf

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap nilai yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan masalah pembayaran balik hutang-hutang air kepada Pemegang Bon, Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah melaksanakan pengambilan aiinan bon-bon air dari Pemegang Bon bagi mengatasi masalah kekangan kewangan yang dihadapi oleh Syarikat Konsesi Air sebagai penyelesaian jangka pendek.

Selanjutnya, pada 15 Jun 2011, satu pertemuan telah diadakan di antara Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Di dalam pertemuan tersebut, Y.B. Menteri telah mencadangkan pendekatan "2 langkah" sebagai penyelesaian kepada pengambilalihan Syarikat Konsesi Air. Pendekatan 2 langkah bermaksud pihak Kerajaan mengambil alih mana-mana Syarikat Konsesi Air yang bersetuju dengan nilai tawaran manakala syarikat yang tidak setuju dibenarkan untuk meneruskan operasi seperti sedia ada sehingga tamat tempoh konsesi.

Kerajaan Negeri Selangor melalui surat kepada Y.B. Menteri bertarikh 27 Jun 2011 telah menegaskan bahawa cadangan penyelesaian dua langkah mempunyai banyak masalah yang perlu ditangani oleh semua pihak. di mana antara masalah-masalah itu adalah seperti berikut:-

- i) Tempoh transisi bagi syarikat konsesi yang tidak setuju untuk membuat keputusan
 - a) Adakah syarikat konsesi tersebut perlu dibiarkan beroperasi sehingga tamat tempoh konsesi atau perlu diberikan satu *cut off date*;
 - b) Bolehkah kadar tarif munasabah dicapai kerana di dalam Perjanjian Konsesi sedia ada terdapat kenaikan tarif yang tidak keterlaluan
 - c) Adakah terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian konsesi tersebut dikekalkan
- ii) tanggung jawab sepenuhnya dari syarikat pengedar air terutamanya di dalam menjelaskan bayaran harga air kepada operator rawatan.

- a) adakah syarikat pengedar air sedia untuk menyelesaikan segala tunggakan kos air terawat
- b) adakah syarikat pengedar air sedia untuk memberikan jaminan bahawa bayaran penuh akan dibayar sepanjang tempoh konsesi berkuat kuasa
- iii) Tanpa kerjasama pengedar air, operasi SPV akan terjejas akibat kekurangan aliran tunai
- iv) Masalah projek penambahbaikan air masa hadapan di bawah kawalan satu pihak; syarikat pengedar air
- v) Kes-kes tuntutan mahkamah sedia ada oleh pengedar air, bolehkah ia digugurkan?
- vi) Isu dalam mencapai kompromi mengenai bayaran pampasan kepada Pemegang Konsesi
- vii) *Transfer Pricing* dalam operasi masih dikekalkan

Berdasarkan kepada masalah-masalah yang digariskan di atas, Kerajaan Negeri Selangor menegaskan bahawa penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor perlu dilaksanakan dengan menggunakan konsep holistik yang mendukung hasrat sebenar dasar penstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara yang mempunyai ciri-ciri berikut:-

- i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistic melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan Negeri;
- ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
- iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berdasarkan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Kerajaan Negeri Selangor telah memaklumkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) bahawa konsep industri perkhidmatan air yang holistik mempunyai banyak kebaikan jika dibandingkan dengan keadaan perkhidmatan sedia ada, antara kebaikannya adalah seperti berikut:-

- 1.1.1. Secara relatifnya dapat menjamin kadar tariff yang munasabah dengan purata kenaikan kadar tarif air.

- 1.1.2. Pemantauan kos operasi bagi menjamin kos opearsi yang tidak membebankan. Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi. Model Holistik dapat mengekang *transfer pricing*.
- 1.1.3. Semakan awal terhadap bayaran jualan pukal dan bayaran tetap/kapasiti yang dituntut oleh pemegang konsesi sedia ada menunjukkan bahawa pemegang konsesi telah meraut pulangan yang tinggi berbanding dengan kos pembangunan, cukai dan faedah/untung institusi kewangan. Syarikat SPV yang baru akan dipantau bagi memastikan keuntungan yang tidak melampaui.
- 1.1.4. Syarikat SPV tidak di beban dengan Kos Pembangunan (CAPEX) kerana ia akan diambil alih oleh PAAB. Syarikat SPV akan membayar pajakan kepada PAAB atas aset-aset yang digunakan.

Kerajaan Negeri Selangor selanjutnya telah mencadangkan supaya rundingan secara agresif dengan semua Syarikat Konsesi Air dapat diadakan semula di mana rundingan tersebut hendaklah diterajui oleh KTTHA dengan kehadiran sama Kerajaan Negeri Selangor. Tempoh maksimum bagi rundingan ini haruslah diberikan selama enam (6) bulan. Rundingan tersebut hendaklah dibuat secara *open book basis* dan asas kepada rundingan hendaklah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

- i) Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) adalah pemilik ekuiti, aset dan liabiliti semua konsesi air;
- ii) Kerajaan Negeri Selangor akan membiayai pemilikan ekuiti dalam SPV menerusi injeksi semua aset air negeri;
- iii) Semua perjanjian konsesi air sedia ada akan ditamatkan;
- iv) SPV dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan satu saham emas Kerajaan Persekutuan; dan
- v) SPV akan diberikan lesen di bawah Akta 655 untuk beroperasi dan menyelenggara industri perkhidmatan air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sekiranya setelah tamat tempoh rundingan yang dicadangkan itu, hanya sebahagian pemegang konsesi setuju untuk diambil alih (misalnya hanya 2 setuju, dua tidak setuju), maka Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk

menimbangkan penyelesaian dua langkah yang dicadangkan oleh KTTHA tertakluk kepada:-

- i) Pembatalan semua saman terhadap Kerajaan Negeri, ahli-ahli dalam pentadbiran negeri, para pegawai dan ejen-ejen;
- ii) Penyelesaian semua jumlah tertunggak untuk rawatan air oleh syarikat-syarikat konsesi sama ada oleh pengedar air;
- iii) Jaminan invois pembayaran penuh untuk rawatan air oleh SPV kepada pengedar air;
- iv) Penyerahan semua maklumat yang dikehendaki oleh negeri daripada pengedar air tetapi tidak terhad kepada pengkalan data pengguna sahaja;
- v) Penyerahan operasi dan penyelenggaraan loji rawatan air Sungai Sireh kepada syarikat pengendali milik kerajaan negeri, termasuk pemberian kerja penambahaikan; dan
- vi) Pemberian perkhidmatan berlesen kepada syarikat milik negeri -SPV bagi operasi dan penyelenggaraan semua kemudahan termasuk kemudahan perawatan di Labu dan Langat 2.

Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturran yang diadakan oleh KTTHA pada 06 September 2011, tidak membincangkan sama sekali mengenai cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturran semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Sebaliknya, pihak KTTHA melalui surat Y.B. Menteri bertarikh 12 Oktober 2011 telah menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menghalang Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan penstrukturran secara holistik dengan syarat pengambilaihan syarikat-syarikat konsesi air hendaklah dibuat secara "*willing buyer willing seller*" dan menghormati perjanjian-perjanjian konsesi yang masih sah dan berkuat kuasa.

Di dalam surat tersebut juga menyatakan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam melaksanakan pendekatan dua langkah sebagai tidak praktikal dan sukar untuk dipenuhi. Y.B. Menteri berpandangan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor komited untuk melaksanakan pendekatan "dua langkah", Kerajaan Negeri Selangor perlu memulakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi air yang bersetuju dengan kaedah pengambilaihan yang dicadangkan berdasarkan "*willing buyer willing seller*" dan bukannya menetapkan pelbagai syarat untuk dipenuhi oleh Kerajaan Persekutuan.

Selanjutnya, Y.B. Menteri turut berpandangan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor hanya akan dapat dipenuhi sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat memberikan persetujuan tanpa syarat terhadap perkara-perkara berikut:-

- 1) memberikan semua kelulusan yang diperlukan untuk membolehkan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dilaksanakan mengikut perancangan; dan
- 2) meluluskan pelarasan tarif air bagi Negeri Selangor berdasarkan perakuan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Kerajaan Negeri Selangor masih berpendirian bahawa Projek Loji Rawatan Air Langat 2 boleh dipersetujui pelaksanaannya jika penstrukturran semula air Negeri Selangor dimuktamadkan sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan rakyat.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menulis surat kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited untuk melaksanakan penstrukturran semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkuatkannya integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebangkan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Setakat ini, masih belum ada sebarang persetujuan yang dicapai di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan di dalam memuktamadkan penstrukturran semula air Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK: PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN
KLANG**

44. Bertanya kepada YAB Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan bagi tujuan projek infrastruktur bagi kawasan Majlis Perbandaran Klang tahun 2011.
- b) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan Pengurusan Penyelenggaraan bagi infrastruktur tahun 2011 adalah sebanyak **RM 15,180,200.00**
- b) Senarai projek adalah seperti **dilampiran**.

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
KERJA PENYELENGGARAAN/TAHUNAN				
1	PR 1/2010	PENYELENGGARAAN LAMPU AWAM MILIK MAJLIS PERBANDARAN KLANG BAGI TAHUN 2010/2011- ZON E (KLANG SELATAN)	KILAS MUTIARA ENTERPRISE	RM369,190.00
2	PR 6/2010	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN 3 UNIT LIF BAGI BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH ,MAJLIS PERBANDARAN KLANG	MS ELEVATOR SDN BHD	RM55,968.00
3	PR 20/2010	PENYELENGGARAAN LAMPU AWAM MAJLIS BAGI ZON KLANG UTARA (ZON A) UNTUK TAHUN 2010/2011	SYARIKAT ELEKTRIK M-KABIN SDN. BHD.	RM286,785.00
4	PR 21/2010	PENYELENGGARAAN LAMPU AWAM MAJLIS BAGI ZON KLANG SELATAN (ZON B) UNTUK TAHUN 2010/2011	JANA KUASA ENTERPRISE	RM219,930.00
5	PR 6/2011	KERJA-KERRJA PEMBEKALAN ALAT GANTI ELEKTRIK BAGI TAHUN 2011/2012 UNTUK KAWASAN PENYELENGGARAAN MAJLIS	SENTUHAN VARIASI SOLUTION	Kontrak Tahunan
6	PR 5/2011	KERJA-KERJA PEMBEKALAN ALAT GANTI UNTUK PENYELENGGARAAN LAMPU AWAM, MAJLIS PERBANDARAN KLANG	EMBUN PAGI ENTERPRISE	Rate Only
7	PR 39/2011	KERJA-KERJA MENAIKTARAF PENCAHAYAAN LAMPU AWAM DI SEBAHAGIAN JALAN DI BANDAR BUKIT TINGGI 1 DAN 2 , KLANG SELATAN DI BAWAH PERUNTUKKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG DI BAWAH PERUNTUKKKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	SALASAFASA SDN BHD	RM124,000.00
8	PR 4/2010	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU ISYARAT DI PERSIMPANGAN PERSIARAN SUNGAI KAPAR INDAH, KLANG	NOHA TECHNOLOGIES SERVICES	85,635.00

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
10	PR 11/2010	KERJA PEMBAIKAN PARIT/LONGKANG DAN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MPK BAGI ZON A TAHUN 2010/2011	ABDUL AZIZ SUJAK ENTERPRISE	158,250.00
11	PR 12/2010	KERJA PEMBAIKAN PARIT/LONGKANG DAN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MPK BAGI ZON B TAHUN 2010/2011	SYARIKAT NORFANDI	153,150.00
12	PR 13/2010	KERJA PEMBAIKAN PARIT/LONGKANG DAN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MPK BAGI ZON C TAHUN 2010/2011	AKAR KARISMA ENTERPRISE	168,300.00
13	PR 14/2010	KERJA PEMBAIKAN PARIT/LONGKANG DAN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MPK BAGI ZON D TAHUN 2010/2011	PERNIAGAAN DAN PEMBINAAN JRB	163,850.00
14	PR 15/2010	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN RUMAH PAM DAN KOLAM TADAHAN BANJIR MILIK MAJLIS PERBANDARAN KLANG DI KLANG UTARA BAGI TAHUN 2010/2011	ENKEY ENTERPRISE	68,000.00
15	PR 16/2010	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN RUMAH PAM DAN KOLAM TADAHAN BANJIR MILIK MAJLIS PERBANDARAN KLANG DI KLANG SELATAN BAGI TAHUN 2010/2011	GEBOK TULIN ENTERPRISE	73,340.00
16	PR 75/2010	KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL DAN PEMASANGAN TIANG LAMPU BARU DI JALAN SUKMA, KOMPLEKS SUKAN PANDAMARAN	SALASAFASA SDN BHD	256,825.00
17	PR 74/2010	KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL DI PERSIARAN SULTAN IBRAHIM HINGGA PERSIARAN KOTA , KLANG	SYARIKAT ELEKTRIK M-KABIN SDN. BHD.	372,440.00
18	PR 76/2010	KERJA-KERJA MENAIKTARAF LAMPU AWAM DARI 70WATT KE 150WATT DI BANDAR BUKIT TINGGI 1 DAN 2	CANGGANG JAYA ENTERPRISE	184,906.00

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
19	PR 92/2010	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LANTERA JENIS DEKORATIF 250 WATT (SON) DI SEPANJANG PERSIARAN SULTAN IBRAHIM , PERSIARAN KOTA DAN JALAN ISTANA , KLANG	ABR MEP ENGINEERING SERVICES SDN BHD	248,452.00
20	PR 94/2010	MEMBAIKPULIH LALUAN PEJALAN KAKI BERBUMBUNG DI JALAN POS BAHRU , KLANG	MANTAP ERAT SDN BHD	47,466.00
21	PR 22/2011	KERJA PEMBAIKAN PARIT /LONGKANG DAN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MPK BAGI ZON C (KLANG UTARA) TAHUN 2011/2012	IDDIN WAWASAN ENTERPRISE	152,900.00
22	PR 23/2011	KERJA PEMBAIKAN PARIT /LONGKANG DAN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MPK BAGI ZON D (KLANG UTARA) TAHUN 2011/2012	FIZZ CONSTRUCTION	159,200.00
23	PR 20/2011	KERJA PEMBAIKAN PARIT /LONGKANG DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN ANDALAS ,TAMAN SENTOSA DAN KG JAWA UNTUK MPK BAGI ZON A (KLANG SELATAN) TAHUN 2011/2012	AZAM ENTERPRISE	161,000.00
24	PR 21/2011	KERJA PEMBAIKAN PARIT /LONGKANG DAN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MPK BAGI ZON B (KLANG SELATAN) TAHUN 2011/2012	MOHAMAD AZMI BIN MAHDI	149,250.00
25	PR 27/2011	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PARIT BAWAH TANAH DARI JALAN MERU HINGGA SUNGAI KLANG	SYARIKAT MUTIARA TIMUR	73,000.00
26	PR 26/2011	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PARIT DI JALAN PUDING, JALAN TERATAI , JALAN BUNGA RAYA DAN PERSIARAN HAMZAH ALANG ,MERU ,KLANG	KBS DEVELOPMENT PROPERTIES SDN BHD	127,060.00

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
KERJA JALAN MARRIS				
1	PR 81/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN RAJA LUMU DAN JALAN PAPAN, PANDAMARAN, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA	INDAH PURI ENTERPRISE	RM168,630.00
2	PR 83/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN LENGKONGAN, JALAN BUNGA RAMPAI DAN JALAN DAHLIA DAN JALAN PETOLA, KG RAJA UDA, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA.	BETACENT ENTERPRISE	RM168,570.00
3	PR 86/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN DATO YUSUF SHAHABUDIN 10, JALAN DATO DAGANG 1, 39 DAN 50, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	FARUNA INDAH ENTERPRISE	RM144,697.40
4	PR 87/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN DATO YUSOFF SHAHABUDDIN 10A, 10B, 10C & 20, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	FAZURA ENGINEERING	RM151,460.00
5	PR 88/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN DATO ABDUL HAMID 4, 5 & 6, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	ANDALAS TEGUH	RM140,966.00
6	PR 89/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN DATO ABDUL HAMID 18, 20, 22 & 31, TAMAN SENTOSA DAN LORONG AZMI, KG JAWA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	AZAM ENTERPRISE	RM165,816.00
7	PR 92/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN LANDASAN DAN MEMBINA SIARKAKI DI JALAN BUKIT KUDA, KLANG UTARA	SUMUR WANGI NETWORK	RM107,400.00

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
8	PR 93/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN AGAR-AGAR, LORONG PEGAGA, SOLOK PEGAGA DAN JALAN PELASARI, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	DIN ENTERPRISE	RM132,339.00
9	PR 94/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN PERAWAS, LORONG PERAWAS, LORONG MENALU DAN LINTANG MENALU, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	SRI YAKUT ENTERPRISE	RM122,266.00
10	PR 95/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN PERSIARAN SERAYA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	SHAPARA JAYA ENTERPRISE	RM165,277.60
11	PR 96/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN BATU UNJUR 4, LORONG BATU UNJUR 5 DAN JALAN BATU UNJUR 10, TAMAN BAYU PERDANA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	EMBUN PAGI ENTERPRISE	RM137,051.00
12	PR 97/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI BATU UNJUR 3, 3A SOLOK BATU UNJUR 3 & 3A, TAMAN BAYU PERDANA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	FIZZ CONSTRUCTION	RM137,690.00
13	PR 98/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LORONG BATU UNJUR 3, 3A, 3D DAN 3E, TAMAN BAYU PERDANA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	BINAAN PERMAI MEGA	RM140,356.00
14	PR 99/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN KASBAN 4/KU8, TAMAN MERU MAKMUR 2, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	BISTARI MHI ENGINEERING & TRADING	RM112,371.00
15	PR 100/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN TAMAN MERU INDAH, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	LANGKAH PANJANG ENTERPRISE	RM155,200.00

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
16	PR 101/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN MUAFAKAT 4, 4A, 4B, 4C DAN 4D, TAMAN DATO BANDAR, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	HASHIM ENTERPRISE	RM121,962.40
17	PR 102/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI TAMAN SERI CERAKAH DAN TAPAK PASAR OFF JALAN PAIP, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	LONGAN ENTERPRISE	RM164,500.00
18	PR 103/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN TAMAN SERI PUTRI, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	SHA MAINTENANCE & SERVICES	RM150,920.00
19	PR 105/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN KASAWARI 4, 4A, 8 DAN LORONG KASAWARI 7, TAMAN ENG ANN, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA	ROFASHEENA ENTERPRISE	RM126,495.60
20	PR 106/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN SERINDIT 7 DAN 9, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA	SARDA ENTERPRISE	RM125,849.00
21	PR 107/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN SERINDIT 10, 11, 14, 15 DAN 17, TAMAN ENG ANN, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA	AZ-NA CONSTRUCTION	RM141,141.14
22	PR 108/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN MAPONG, LORONG HAMID MUSTAPHA, LORONG HAJI HARUN, LORONG HAJI HUSIN DAN LORONG MAZNAH, KG BATU 3, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA	FAHMIE BENA	RM126,556.00
23	PR 109/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI TAMAN BANGSA INDAH DAN LORONG MASJID RAUDHATUL MUKMININ DAN JALAN ABD RAZAK, KG SG PINANG, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA	A.M. ENTERPRISE	RM160,660.00

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
24	PR 111/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN PENDAMAR INDAH 5, 6A, 6B, SOLOK PENDAMAR 5A DAN 5B, TAMAN PENDAMAR INDAH, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA..	MISA ENGINEERING	RM104,123.60
25	PR 112/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN PERUSAHAAN 20, 21 DAN JALAN PENDAMARAN JAYA 91, PANDAMARAN, PELABUHAN KLANG SEKITARNYA	ANGERIK SINAR ENTERPRISE	RM168,844.00
26	PR 113/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN TAMAN SELAT SELATAN, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA.	ABU KASSIM B BASRI	RM156,317.00
27	PR 114/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN SG AUR DAN JALAN DEPOH, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA	MURNI SUCI ENTERPRISE	RM131,888.00
28	PR 115/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN SG SHANDONG 14, 15, 8 DAN 9, PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA	FANILI TRADING	RM149,013.20
29	PR 116/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN SG CHANDONG 1, 2 DAN 6, PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA.	RND RESOURCES	RM151,160.00
30	PR 117/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 6814 DAN 6815, KG BARU 2, JALAN KEBUN, KLANG	PEMBINAAN BENA RANTAU	RM108,720.00
31	PR 118/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN KAMPUNG SEPANJANG PARIT UTAMA, KG JOHAN SETIA,	CADAI TRADING	RM209,637.40

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
32	PR 119/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LINGKARAN SULTAN ABDUL SAMAD, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA	FEITIE CONSTRUCTION & TRADING	RM163,768.80
33	PR 120/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LORONG HAJI MOHD AMIN, SEBAHAGIAN JALAN LAPIS 4 & 5 KAMPUNG SEMENTA, KLANG DAN SEKITARNYA	PERAWAN CORPORATION SDN. BHD	RM134,890.00
34	PR 121/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN LAPIS 2 DAN LORONG HAJI ZAMRI, KG SEMENTA, KLANG DAN SEKITARNYA	RH ASAS TEGUH ENTERPRISE	RM168,593.60
35	PR 122/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN TAMAN KAPAR PUTRA, KAPAR DAN SEKITARNYA	GIGIH USAHA ENTERPRISE	RM125,914.00
36	PR 123/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN RAJA NALA 11, 13, 14 DAN 15, TAMAN SAUJANA, KAPAR DAN SEKITARNYA.	ILHAMAINAZIM ENTERPRISE	RM160,072.50
37	PR 124/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN HAMZAH ALANG 33 DAN JALAN RAJA NALA, KAPAR DAN SEKITARNYA	AMIE CADAI ENTERPRISE	RM96,810.00
38	PR 130/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 1085, LOT 1078 LORONG HAJI ABDUL JALIL, LOT 1727 LORONG MUSTAFA KAMAL, LOT 6581 LORONG RAMLI NORDIN DAN LOT 6580 JALAN BALAI RAYA, KG SG UDANG, KLANG	MURASAN ENTERPRISE	RM56,612.00
39	PR 131/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 3429 LORONG HAJI BAKAR, LOT 6710 LORONG HJ YUSOF DAN LOT 2177, LORONG HAJI RASSAD, KG SUNGAI UDANG, KLANG SELATAN	NOORMAH BT SAMAT	RM73,861.00

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
40	PR 132/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 6552 JALAN BENTENG, LOT 6556 LORONG MAS, LOT 231 LORONG HAJI HASSAN, LOT 229A LORONG SANAH BT ABDULLAH DAN JALAN KOPI, KG SUNGAI UDANG, KLANG SELATAN	MURASAN ENTERPRISE	RM84,908.00
41	PR 133/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 25480, LORONG BADLAN, LOT 479B LORONG HAJI SELAMAT, LOT 469 LORONG MINAH DAN LOT 484B LORONG MAT DALI, OFF JALAN HASSAN, KG SUNGAI UDANG, KLANG SELATAN	PERNIAGAAN AMBIAH	RM43,582.50
42	PR 134/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 462 LORONG AH CHAI, LOT 6417 LORONG HAJI ALIAS, LOT 4496 LORONG HJ MAT HASHIM, LOT 568 LORONG HJ SHAMSUDIN DAN LOT 4493 LORONG HAJI DAUD, OFF JALAN SG UDANG, KG SG UDANG, KLANG SELATAN	BINA SEPAKAT RESOURCES	RM68,140.00
43	PR 135/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 573 LORONG HAMIDI, LOT 590 LORONG HJ ABDUL GHANI, LOT 584 JALAN SEKOLAH, LOT 585 LORONG SHAMSURI DAN LOT 589A LORONG MUSTAFA KAMAL OFF JALAN YADI, KG SUNGAI UDANG, KLANG SELATAN	KIAMBANG BIRU ENTERPRISE	RM66,444.00
44	PR 136/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 3502, LORONG TOK SHAM, LOT 3520 LORONG SAKUAN DAN LORONG SURAU SAYIDAH ZAINAB, OFF JALAN KG DELEK KANAN, KG DELEK, KLANG SELATAN	BINA SEPAKAT RESOURCES	RM42,415.00
45	PR 137/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 3528 LORONG HAJI DALULI, LOT 3095 LORONG HAJI MAON, LOT 3094 LORONG HAJI ROSLAN, LOT 3091 LORONG HAJI MOKHSIN DAN LOT 11675 LORONG HAJI ADNAN, KG DELEK, KLANG SELATAN	PUNCAK DYNAMIC ENTERPRISE	RM72,462.50

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
46	PR 138/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 2241 LORONG SARIDIN, LOT 11694 LORONG HAJI SABIR DAN LOT 8299 LORONG BALAI RAYA, OFF JALAN KG DELEK KANAN, KG DELEK, KLANG SELATAN	AKANM ENTERPRISE	RM43,710.00
47	PR 139/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 2250 LORONG HAJI SAYUTI, LOT 2247 LORONG JAAFAR ARAB DAN LOT 2228 LORONG HAJI SUPANDI, KG DELEK, KLANG SELATAN	PUNCAK DYNAMIC ENTERPRISE	RM43,860.00
48	PR 140/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 528, 534 & 3834, OFF JALAN TELOK GADUNG KECIL, KG TELUK GADUNG DAN LOT 7269A, OFF JALAN BERTEK, KLANG SELATAN	AIIF ENTERPRISE	RM55,136.00
49	PR 141/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 552 DAN 557, OFF JALAN TELOK GADUNG KECIL, KG TELUK GADUNG, KLANG SELATAN	AIIF ENTERPRISE	RM29,615.00
50	PR 142/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LOT 542 DAN LOT 228 LORONG AZIZ SULAIMAN, OFF JALAN SG UDANG, KLANG SELATAN	SRI J FAIRY FLOWER	RM36,245.00
51	PR 143/2011	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LORONG-LORONG UTAMA KG KERETAPI, KG DELEK, KLANG SELATAN	AKAR MURNI ENTERPRISE	RM56,190.00

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2011

Bil	No. Fail	Jenis kerja yang dibuat	Nama syarikat	Nilai tawaran (RM)
KERJA PARIT MARRIS				
1	PR 84/2011	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DI LORONG MESRA 1 BAGI MENGATASI MASALAH BANJIR DI KAWASAN TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN	AZUAN BINA	RM125,290.00
2	PR 85/2011	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI LORONG BATU UNJUR DAN LORONG BAHAGIA, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN	MANTAP ERAT SDN BHD	RM130,504.00
3	PR 90/2011	MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI JALAN SELAMPIT 18 DAN JALAN SELAMPIT 24, TAMAN KLANG JAYA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA.	KEKUCHI ENTERPRISE	RM107,420.00
4	PR 91/2011	MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI JALAN HULUBALANG 8C, JALAN DATO DAGANG DAN SEBAHAGIAN KAWASAN TAMAN, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA.	HIL'S ENTERPRISE	RM62,299.00
5	PR 104/2011	KERJA-KERJA PERPARITAN DI KG BUKIT KERAYONG, PEKAN MERU DAN JALAN UMNO BUKIT KAPAR, MERU	AZIZUL HAFIZ BESTARI	RM138,550.00
6	PR 110/2011	CADANGAN MENAIKTARAF LONGKANG KONKRIT DI JALAN GOH HOCK HUAT DAN SEKITARNYA KLANG UTARA	DANDANY SDN BHD	RM144,440.00
JUMLAH KESELURUHAN				RM12,313,098.24

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

45. Bandar Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung mempunyai penduduk hampir 35,000 orang, terdiri daripada beberapa taman disekitarnya seperti Prima Beruntung, Taman Bunga Raya, Taman Widuri, Taman Bakawali, Taman Kesumba dan lain-lain lagi. Setiap hari penduduk taman-taman ini akan berurus dengan Bandar Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Namun begitu, penduduk ini menghadapi masalah pengangkutan awam, sama ada teksi atau bas sebagai pengangkutan awam di kawasan ini. Jarak antara taman ini ke Pusat bandar sekitar – 8 km hingga 10 km :-

Bertanya kepada YAB Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pengangkutan awam sebagai kemudahan penduduk di sini untuk urusan harian mereka ?
- b) Bolehkah Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan seperti bas awam sebagai pengangkutan dalaman di kawasan tersebut ?

JAWAPAN :

- a) Kawasan Bandar Bukit Beruntung, Bandar Bukit Sentosa Prima Beruntung dan Taman Bunga Raya kini dihubungkan dengan perkhidmatan bas henti – henti dari Metrobus dan Uptown dengan laluan Rawang – Bukit Sentosa – Taman Bunga Raya – Rawang.

Laluan ini adalah ditentukan oleh pihak pengusaha bas berdasarkan permintaan dan jumlah pengguna dan memperolehi lesen dan kelulusan dari Lembaga Pendaftaran Kenderaan Perdagangan (LPKP). Penentuan menggunakan kadar pemintaan adalah kerana perkhidmatan bas adalah berdasarkan “profit base”.

Pihak penduduk pernah memanjangkan aduan ini ke pihak MDHS dan bertindak berdasarkan aduan berkenaan satu Mesyuarat Khas Aduan Awam dijalankan antara pengusaha bas dan pihak LPKP.

Perkara ini diluar bidang kuasa pihak MDHS dan aduan ini dipanjangkan ke pihak LPKP untuk tindakan lanjut.

- b) Tertakluk kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: LESEN PERNIAGAAN

46. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah lesen perniagaan yang telah diluluskan oleh PBT bagi peniaga-peniaga kecil di setiap PBT daripada Januari hingga Oktober 2011.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, jumlah lesen perniagaan yang telah diluluskan oleh PBT bagi peniaga-peniaga kecil di setiap PBT dari Januari 2011 hingga Oktober 2011 adalah seperti berikut

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH LESEN PERNIAGAAN YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2011
1.	MBSA	652
2.	MBPJ	2416
3.	MPK	1666
4.	MPAJ	759
5.	MPSJ	235
6.	MPS	534
7.	MPKj	813
8.	MPSp	174
9.	MDKS	88
10.	MDHS	297
11.	MDKL	130
12.	MDSB	171
JUMLAH		7935

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: PROGRAM BAIK PULIH NEGERI BERKEBAJIKAN ATAU PROGRAM CERIA.

47. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan kerajaan untuk program Baik Pulih Negeri Berkebajikan atau Program Ceria. Senaraikan projek-projek yang terlibat serta status projek berkenaan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2 juta bagi pelaksanaan fasa pertama Skim CERIA melibatkan 18 kawasan pangsapuri kos rendah. Senarai dan status projek terlibat adalah seperti berikut:

BIL.	PANGSAPURI	PBT	DESKRIPSI KEROSAKAN	ANGGARAN KOS (RM)	STATUS KERJA
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	4 unit tangki	64,000.00	Jangka siap 10 November 2011
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	4 unit lif	324,000.00	Jangka mula kerja 4 November 2011
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	1 unit lif	110,000.00	Jangka siap kerja 6 Disember 2011
4.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	Kerosakan bumbung membabitkan 134 unit rumah di tingkat paling atas	185,000.00	Masih gagal membayar 10% pendahuluan
5.	Pangsapuri Flora Damansara A&B	MBPJ	4 unit lif	212,000.00	Jangka siap 28 November 2011
6.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A&B	MBPJ	2 unit lif	100,000.00	Jangka siap 28 Oktober 2011
7.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	2 unit lif	7,757.00	Jangka mula kerja 28 Oktober 2011

8.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	Salur air hujan 'gutter' 5 blok	192,243.00	Jangka siap kerja 30 November 2011
9.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	2 unit lif	42,000.00	Jangka siap kerja 3 Disember 2011
10.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	3 unit lif	131,000.00	Jangka siap kerja 21 November 2011
11.	Tembikai&Pulasan Court	MPSJ	Salur air hujan 'gutter' 4 Blok	56,000.00	Siap pada 25 September 2011

BIL.	PANGSAPURI	PBT	DESKRIPSI KEROSAKAN	ANGGARAN KOS (RM)	STATUS KERJA
12.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	Kerosakan bumbung yang menjelaskan 16 unit tingkat 5 Blok G	93,000.00	Jangka siap 21 Disember 2011
13.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	Pembentong di Blok C	18,000.00	Jangka siap 10 November 2011
- Berapa peratuskah penolakan permohonan yang dibuat kepada Lembaga Zakat Selangor dan apakah sebab-sebab penolakan tersebut?
 - Jumlah keluar dari asnaf?
 - Apakah Program yang dijalankan bagi meningkatkan pendapatan golongan asnaf?

JAWAPAN :

- Pada bulan Januari hingga September 2011, LZS telah menerima permohonan sebanyak 48,465. Daripada jumlah tersebut, 15.4 peratus (7,456) telah ditolak permohonan. Sebab-sebab penolakan adalah :-
 - Tidak menepati syarat kelayakan bantuan zakat
 - Pendapatan melebihi haddul kifayah
 - Telah menerima bantuan daripada agensi lain (contoh : JKM, biasiswa MARA dan sebagainya).
- Bagi asnaf yang produktif dan ingin memajukan diri, LZS telah memberi bantuan di bawah Program Pembangunan Ekonomi. Bantuan ini bukan sahaja diberi secara individu, malah turut disalurkan dalam bentuk berkumpulan. sehingga September 2011, seramai 63 orang telah keluar daripada asnaf. mereka ini keluar daripada golongan asnaf hasil daripada bantuan modal yang diberikan sehingga mampu mendapat pendapatan melebihi haddul kifayah.
- Bagi asnaf yang produktif dan ingin memajukan diri, LZS telah memberi bantuan di bawah Program Pembangunan Ekonomi. Pengagihan zakat melalui Program Pembangunan Ekonomi dilihat sebagai jalan keluar bagi menangani kemiskinan. sebagai mekanisme jangka panjang, pengagihan bantuan ekonomi ini ibarat memberi 'pancing' dengan harapan bantuan zakat ini akan melahirkan lebih ramai mereka yang boleh berdikari terutamanya melalui program keusahawanan.

Melalui Program Bantuan Ekonomi, bantuan zakat ini diberikan khusus kepada tiga asnaf utama iaitu fakir, miskin dan mualaf. peluang-peluang perniagaan

mahupun pekerjaan diwujudkan melalui zakat agar para asnaf ini tidak terus-terusan bergantung kepada bantuan daripada zakat semata-mata, sebaliknya dapat menjana pendapatan keluarga. Justeru itu, sasaran peserta asnaf yang terdiri daripada ketua keluarga dan para belia yang berdaya saing serta proaktif dibentuk menjadi usahawan melalui pakej bantuan ekonomi yang disediakan zakat.

LZS menyediakan dua bentuk bantuan modal untuk asnaf iaitu yang berskala kecil dan besar. dalam hal ini, LZS lebih mengutamakan modal dalam bentuk barang. Misalnya pembelian memberi mesin, jentera atau peralatan bermiaga kepada usahawan asnaf. bagi asnaf yang mahu memulakan langkah pertama sebagai peniaga kecil, maka modal sebesar RM5,000 akan disalurkan.

Kebiasaannya, mereka akan menjalankan perniagaan menjual kuih-muih, membuka gerai makanan, jahitan, teksi dan sebagainya. bantuan modal sehingga RM30,000 turut disediakan bagi perniagaan berskala besar seperti restoran, bengkel kenderaan, penternakan dan lain-lain lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

73. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Sila kemukakan butiran terperinci sehingga setakat ini, berapakah jumlah bilangan warga emas yang telah menyertai Program SMUE mengikut pecahan Dun masing-masing?
 - Sila kemukakan jumlah bilangan pewaris Ahli SMUE yang telah menerima manfaat setelah Ahli tersebut meninggal dunia sejak iannya dilancarkan?
 - Sila nyatakan apa perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi memperkasakan SMUE supaya kebajikan para Ahli terus dibela?

JAWAPAN :

- a) dan b)

Seramai 24,351 orang telah menerima Bayaran Peringkat Pertama dengan jumlah yang dibayar bernilai RM24,351,00.00 kesemuanya.

Daripada jumlah di atas, yang telah menerima Bayaran Peringkat Kedua berjumlah 21,927 orang dengan jumlah bayaran bernilai RM32,890,500.00 kesemuanya.

Jumlah besar adalah RM57,241,500.00 keseluruhannya (Bayaran Peringkat Pertama dan Kedua).

- c) Kerajaan akan berusaha untuk memastikan setiap warga emas dan OKU didaftarkan ke dalam SMUE dan dalam jangkamasa panjang pula cuba untuk mewujudkan lebih banyak program untuk mereka terutamanya semasa mereka masih hidup.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERUNTUKAN AHLI DEWAN

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkannya?
 - Mengapakah kerajaan tidak mengambil kira jumlah penduduk berdasarkan kadar kemiskinan dari infrastruktur dalam membuat pengagihan peruntukan DUN?

JAWAPAN :

- Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 31/2011 yang diadakan pada 28 September 2011, setiap AMMKN dan Tuan Speaker diluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM200,000 sementara ADN RM100,000.
- Peruntukan Ahli Dewan Negeri atau Peruntukan Mesra Rakyat adalah bertujuan bagi membantu Ahli Dewan Negeri dalam melaksanakan program-program Mesra Rakyat di kawasan masing-masing termasuklah perbelanjaan bagi pengurusan dan pengubahsuaian pejabat, projek kecil pembangunan dan sumbangan kemasyarakatan secara tunai.

Kerajaan Negeri tidak mengambil kira jumlah penduduk berdasarkan kadar kemiskinan dan infrastruktur dalam membuat pengagihan peruntukan ini memandangkan terdapat peruntukan lain yang dikhaskan bagi memberi bantuan kepada rakyat miskin dan meningkatkan infrastruktur di seluruh negeri. Peruntukan bagi meringankan beban rakyat miskin adalah di bawah Jabatan Kemasyarakatan sementara bagi membangunkan infrastruktur antara lainnya adalah di bawah Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Saliran serta Jabatan Agama Islam. Terdapat juga peruntukan serupa di bawah Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: STATUS PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG.

75. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah statusnya pada setakat ini?

JAWAPAN:

Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek yang unik kerana ianya merupakan satu projek awam yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI). Syarikat-syarikat yang telah di senarai pendek harus mengemukakan cadangan pembangunan untuk pertimbangan kerajaan negeri Selangor bagi membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai.

Usaha Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang dijangka akan berterusan dan dilaksanakan secara berfasa selama 15 tahun.

Setakat ini, 3 syarikat telah di senarai pendek oleh Kerajaan Negeri untuk terlibat dengan projek ini pada kapasiti yang berbeza. Syarikat-syarikat tersebut ialah:-

- o TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.
- o Wessex Water Sdn. Bhd./I Berhad Consortium
- o GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil pendirian untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui Projek 'River of Life' bagi menjamin synergy yang lebih baik serta mengelakkan sebarang pertindihan. Melalui penglibatan negeri dalam Jawatankuasa Pemandu 'Greater KL/Klang Valley' kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mewujudkan 'River Protocol' bagi mengawal selia sumber sungai di negeri ini.

Selain itu, melalui Sub-Task Force Pembersihan Sungai di bawah Projek River of Life yang dipimpin oleh JPS, sebagai permulaan sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan kepada Selangor di mana MPAJ sebagai agensi pelaksana akan membina Sistem Rawatan Air di salur keluar sistem perparitan utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Klang, Daerah Gombak Selangor bagi pengawalan mutu air. Projek tersebut dijangka disiapkan pada penghujung tahun 2011.

Pada Ogos 2011, Jawatankuasa Projek telah dimantapkan dengan pelantikan gabungan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, golongan profesional, penjawat awam yang dipengerusikan oleh YM Raja Idris dari Kumpulan Perangsang Selangor.

Terbaru pihak China Construction Engineering Corporation telah menyatakan minat untuk memajukan projek ini dan akan menandatangani Memorandum Kesefahaman bagi menjalankan ‘Feasibility Study’ sebelum melabur bagi menjayakan projek ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

76. Peruntukan MARRIS di bawah Ahli Dewan Negeri telah diluluskan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat ini sejauh mana projek ini dilaksanakan?
- b) Bagaimanakah pemilihan kontraktor dilakukan?
- c) Sejauh manakah peruntukan ini digunakan untuk membaikkan jalan-jalan kampung?

JAWAPAN :

- a) Sehingga September 2011, Kerajaan Negeri Selangor telah menerima sebanyak **RM263,744,955.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Enam Puluh Tiga Juta Tujuh Ratus Empat Puluh Empat Sembilan Ratus Lima Puluh Lima Sahaja)**. Pemberian ini dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri sebanyak **RM29,304,955.00** setiap bulan.

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyalurkan sebanyak RM1juta bagi setiap Ahli Dewan Negeri Seiangan untuk melaksanakan projek MARRIS di kawasan masing-masing. Ahli Dewan Negeri dikehendaki untuk mengenal pasti projek-projek jalan yang hendak dilaksanakan dan mengemukakan cadangan tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing dengan skop projek seperti yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat / Tuan Speaker, setelah semakan *Bill Of Quantity* (BQ) dibuat, peruntukan akan disalurkan secara *Direct Grant* kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan untuk melaksanakan perolehan kerja secara perolehan terbuka iaitu sama ada melaksanakannya

secara undian (bagi kerja-kerja di bawah RM20,000.00), sebut harga bagi kerja bernilai RM20,001.00 sehingga RM500,000.00 atau tender bagi kerja bernilai RM500,001.00 dan ke atas.

Setakat Oktober 2011, daripada keseluruhan 785 projek yang telah diluluskan, sebanyak 378 (48.16%) projek telah siap sepenuhnya, 136 (17.33%) projek sedang dalam proses, 100 (12.74%) projek mengikut jadual dan 7 (0.9%) projek dahulu jadual manakala 45 (5.74%) projek lewat jadual dan 119 (15.169%) projek masih belum mula. Jumlah ini adalah termasuk projek-projek fasa 2 yang baru diluluskan. Perincian adalah seperti di **Lampiran A**.

- b) Pemilihan kontraktor dibuat melalui proses perolehan secara terbuka iaitu bagi projek bernilai kurang RM20,000 ianya dibuat secara undian, sebut harga bagi projek bernilai lebih RM20,000 pemilihan secara tender bagi projek bernilai melebihi RM500,000.00.. Proses pemilihan dan pelantikan kontraktor ini dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing mengikut prosedur dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan.
- c) Setiap Ahli Dewan Negeri akan mengenal pasti projek-projek jalan yang hendak dilaksanakan di kawasan masing-masing dan perlu mengemukakannya kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan untuk menyiapkan Bill of Quantity (BQ) bagi tujuan kelulusan. Projek-projek pembinaan jalan boleh dilaksanakan sama ada di dalam kawasan operasi ataupun di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan. Bermakna, pembinaan bagi jalan-jalan kampung adalah dibenarkan asalkan peruntukan bagi membaikpulih jalan adalah tidak bertindih dengan peruntukan oleh Pejabat Daerah.

Justeru peruntukan tidak terhad kepada jalan Bandar, tetapi juga dibenarkan di kawasan luar Bandar dan ia adalah bergantung mengikut keperluan kawasan Ahli Dewan Negeri yang berkenaan.

LAMPIRAN A

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BIL PROJEK	NILAI PROJEK YANG DILULUSKAN (RM)	STATUS SEHINGGA 31 OKTOBER 2011					
				BELUM MULA (BM)	DALAM PROSES (DP)	LEWAT JADUAL (LJ)	IKUT JADUAL (IJ)	DAHULU JADUAL (DJ)	SIAP SEBENAR (SS)
1	MPAJ	41	4,837,625.00	0	0	0	0	0	41
2	MPSp	73	2,219,767.00	3	0	2	0	0	68
3	MBPJ	51	5,570,749.85	1	49	0	0	0	1
4	MPSJ	16	4,050,200.00	0	0	1	0	0	15
5	MPKj	42	4,776,388.00	1	0	0	41	0	0
6	MBSA	19	3,288,050.00	0	0	0	0	1	18
7	MPS	118	5,481,048.22	25	17	0	0	0	76
8	MDKL	68	3,371,277.40	0	1	3	2	0	62
9	MPK	72	8,169,554.00	27	28	1	5	5	6
10	MDKS	134	4,145,710.00	40	0	21	30	1	42
11	MDSB	75	3,971,340.50	5	19	2	0	0	49
12	MDHS	76	933,201.00	17	22	15	22	0	0
JUMLAH		785	50,724,910.97	119	136	45	100	7	378
				(15.16%)	(17.33%)	(5.74%)	(12.74%)	(0.9%)	(48.16%)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : KONSULTAN-KONSULTAN MES (RMSB & TAWAS)

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah skop kerja atau tanggungjawab konsultan-konsultan MES? Sila nyatakan secara terperinci bagi RMSB dan TAWAS
 - b) Berapakah bilangan staf dalam RMSB dan TAWAS?
 - c) Berapa banyakkah yang dibayarkan kepada RMSB dan TAWAS sebulan sebagai konsultan MES? Sila nyatakan secara terperinci.

JAWAPAN :

- a) Skop kerja dan tanggungjawab konsultan YAWAS, konsultan bertanggungjawab untuk menentukan konsep projek TAWAS, objektif, modus operandi, penyediaan sistem pendaftaran, perancangan, kaji selidik dan pelaksanaan. Konsultan juga mengenal pasti sasaran pelanggan termasuk pengambilan kakitangan serta penubuhan syarikat serta mengenal pasti lokasi pejabat yang bersesuaian untuk memulakan operasi.

Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) bukanlah konsultan kepada program-program MES. RMSB adalah anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau selalu disebut sebagai MBI yang dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan program-program di bawah Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. RMSB tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh MBI dan ketetapan MMKN dan keputusan yang diputuskan oleh Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik.

- b) Seawal penubuhan YAWAS, mempunyai 2 konsultan, 3 eksekutif dan 2 orang kakitangan sokongan. Dan kakitangan bertambah apabila operasi bermula dibahagian pendaftaran dan pemasaran. Untuk makluman, YAWAS akan menggunakan khidmat pekerja sambilan (*part time*), apabila ada keperluan.

Setakat ini RMSB memiliki seramai tujuh (7) orang kakitangan yang bertugas secara *multi tasking* sepenuh masa dalam memastikan program-program yang diamanahkan dilaksanakan dengan sempurna.

- c) Pelantikan konsultan dilantik untuk tempoh 5 bulan sahaja. Bayaran adalah sebanyak RM58,000 untuk 2 konsultan.

Oleh kerana RMSB bukanlah konsultan, ia tidak ada bayaran bulanan pernah dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH KERAJAAN DIBERIMILIK KEPADA PERBADANAN
KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan, jika ada, yang telah diberi milik kepada PKPS?
 - Berapakah keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh PKPS?
 - Berapakah cukai tanah tertunggak, jika ada, yang masih belum dibayar oleh PKPS?

JAWAPAN :

- Sehingga bulan September 2011, jumlah keluasan tanah kerajaan yang telah diberi milik kepada PKPS di seluruh Negeri Selangor ialah 4,649 hektar.

Daripada jumlah tersebut, seluas 4,522 hektar telah diusahakan dengan pelbagai projek pertanian dan bukan pertanian. Usaha tersebut dijalankan sendiri oleh PKPS, secara usaha sama dan pajakan/sewaan kepada pihak luar.

- Keluasan tanah yang belum dimajukan oleh PKPS berjumlah 126.93 hektar (2.7% daripada keluasan tanah PKPS). Pembangunan tanah-tanah kosong dibuat secara berperingkat dengan pelbagai aktiviti pertanian yang bersesuaian untuk menjana pendapatan dan seterusnya dapat menyumbang kepada rancangan Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).
- PKPS senantiasa memastikan bayaran cukai tanah dijelaskan setiap tahun. Oleh itu, tiada cukai tanah yang tertunggak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : HASIL PADI

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan negeri memberi butiran terperinci tentang usaha-usaha peningkatan hasil padi yang telah dilaksanakan serta pencapaian-pencapaian yang telah dikehendaki sejak ianya dilancarkan pada tahun 2009.
- b) Adakah benar bahawa kerajaan negeri tidak mendapat kerjasama yang penuh daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani?

JAWAPAN :

- a) Sumbangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan hasil padi Negeri Selangor adalah melalui Program Meningkatkan hasil Padi Negeri Selangor dimana melalui program ini Kerajaan negeri telah memperuntuk RM 3,013,302.00 pada tahun 2009, RM4,930,000.00 pada tahun 2010 dan RM3,050,000.00 pada tahun 2011 bagi projek meningkatkan hasil padi dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013).

Matlamat ditetapkan ialah:

- I. Projek perintis akan menjadi kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan/ha/musim kepada 7.5 tan/ha/musim menjelang tahun 2013.
- II. Mempertingkatkan purata pendapatan pesawah kepada melebihi RM1,500.00 sebulan.

Melalui program meningkatkan hasil padi pada musim 2/2009, daripada 2408 orang pesawah yang terlibat dengan Program Meningkatkan hasil Padi, didapati peratusan bilangan pesawah yang berpendapatan antara RM1,000.00 – 1,500.00 adalah 55% (1324 pesawah).

Manakala pada musim 1/2010, tambahan seramai 857 orang pesawah telah meningkatkan pendapatan mereka dimana bilangan pesawah yang mendapat pendapatan antara RM1,000.00 – 1,500.00 adalah seramai 752 pesawah dan yang mendapat pendapatan melebihi RM1,500.00 adalah seramai 105 orang pesawah.

Pada musim terbaru iaitu musim 1/2011, tumpuan projek adalah di kawasan-kawasan yang mempunyai purata hasil yang rendah dan mempunyai masalah padi angin sebelum ini. Namun begitu terdapat peningkatan hasil sebanyak 8.9% berbanding musim 1/2010 dimana hasil meningkat dari 4.5 MT/ha, kepada 4.9MT/ha

- b) Kenyataan ini tidak benar, Kerajaan negeri amnya atau Jabatan Pertanian Negeri Selangor khasnya mendapat kerjasama dari Agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seperti IADA Barat Laut Selangor, Bahagian Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan, Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Tanah, Bahagian Padi, Sg. Burong, Lembaga Pertubuhan Peladang, Pertubuhan Peladang Kawasan, MARDI, BERNAS dan juga Agro Bank.

Agensi-agensi ini memberi kerjasama dan terlibat sebagai ahli tetap didalam Jawatankuasa Induk Peringkat Negeri, Jawatankuasa Peringkat Teknikal dan Jawatan Kuasa Induk Anugerah Pengurusan Padi Terbaik Negeri Selangor bagi Program Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KUTIPAN CUKAI TANAH

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah kutipan tanah Negeri Selangor tahun 2010?
 - Apakah tindakan jangka masa pendek dan panjang untuk mengutip tunggakan cukai tanah oleh setiap Pejabat Tanah Daerah?
 - Berapakah kutipan cukai tanah sepanjang tahun 2010 oleh PTD Klang?

JAWAPAN :

- Jumlah kutipan Cukai Tanah pada Tahun 2010 bagi Negeri Selangor adalah **RM456,185,233.37**
- Antara tindakan jangka masa pendek dan panjang untuk mengutip tunggakan cukai tanah oleh setiap Pejabat Tanah Daerah adalah :
 - Operasi bersepadu kutipan cukai tanah yang juga dinamakan "Ops Kutip" yang dijalankan oleh pihak Bahagian Pungutan Hasil (BPH, Perpendaharaan) dengan kerjasama Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah;
 - Operasi Kutipan Luar yang diadakan pada setiap minggu oleh Pejabat Tanah Daerah;
 - Mengadakan sesi perjumpaan dengan penunggak-penunggak cukai tanah tertinggi dan tegar untuk menyelesaikan tunggakan cukai tanah dan masalah-masalah lain yang dihadapi;
 - Mengadakan sesi perjumpaan bersama penunggak-penunggak cukai tanah yang terdiri dari anak-anak syarikat Negeri Selangor bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan dgn tunggakan cukai tanah.
 - Mesyuarat bersama ahli Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil, Penyusunan Strategi dan Kewangan Unit Hasil yang dipengerusikan oleh

Timbalan Kewangan diadakan bagi memantau kemajuan hasil kutipan tunggakan cukai tanah Daerah.

- vi. Mengeluarkan notis-notis 6A seterusnya 8A (notis rampasan) bagi tanah-tanah di mana pemilik-pemilik tanah masih gagal untuk menjelaskan bayaran tunggakan cukai tanah walaupun pelbagai notis peringatan dan perjumpaan bersama pemilik-pemilik tanah ini telah diadakan.
- c) Jumlah kutipan Cukai Tanah pada Tahun 2010 bagi PTD Klang adalah **RM140,561,513.54**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: JALAN UTAMA PARIT 5 DAN TALIAIR 5

81. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan bilakah kerja-kerja membaiki dan menaiktaraf jalan utama Parit 5 menuju ke Site A Sekinchan?
 - Sila nyatakan bilakah kerja-kerja melebarkan jalan tersebut dapat dilaksanakan kerana jalan yang sedia ada sangat sempit?
 - Sila nyatakan berapakah kos penyelenggaraan tahunan yang disalurkan oleh pihak JKR untuk Jalan tersebut?

JAWAPAN :

- Kerja membaiki dan menaiktaraf Jalan Utama Parit 5 menuju ke Site A Sekinchan telah pun dibina pada awal 2010.
- Kerja melebarkan jalan tersebut akan dipohon dalam Rolling Plan ke 3 dalam RMK 10 yang bermula tahun 2012.
- Tiada peruntukan khusus untuk penyelenggaraan jalan ini. Namun kerja penyelenggaraan rutin seperti pemotongan rumput, menampal 'potholes', mencuci longkang dan pembentung, mencuci papan tanda dan meratakan bahu jalan telah dilaksanakan mengikut keperluan dan kitaran yang telah ditetapkan berjumlah RM 40,000.00 setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PKNS

82. Sebagai anak syarikat yang besar di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan keuntungan dan kerugian PKNS sejak 2008 hingga kini.
- b) Senaraikan projek-projek yang menguntungkan serta jumlah keuntungan yang diperolehi?

JAWAPAN :

- a) Keuntungan PKNS sejak 2008 (selepas sumbangan CSR / Corporat Social Responsibility atau Tanggungjawab Sosial Korporat dan Zakat).

Tahun	2008	2009	2010
Keuntungan PKNS	RM189.9 juta	RM166.1 juta	RM206.3 juta

- b) PKNS mensasarkan margin keuntungan sebanyak 15% bagi projek kawasan di luar Lembah Klang dan 25% untuk kawasan Lembah Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK: PENILAIAN PRESTASI YDP/DATUK BANDAR DAN PENGARAH
PBT**

83. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Adakah EXCO yang berkenaan menilai prestasi YDP/Datuk Bandar dan Pengarah di setiap PBT?
 - Sila sebutkan sistem penilaian dan senaraikan prestasi mereka mengikut PBT.

JAWAPAN:

- Prestasi setiap penjawat awam dinilai oleh Pegawai Penilai masing-masing yang juga merupakan pegawai atasan atau penyelia yang terdekat kepada pegawai dan mempunyai hubungan kerja secara langsung atau yang mengawasi kerja pegawai.

Dalam konteks soalan ini, Pegawai Penilai yang bertanggungjawab membuat penilaian prestasi semua Datuk Bandar dan Yang Dipertua dilaksanakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, manakala prestasi tahunan Pengarah Jabatan di setiap PBT dinilai sepenuhnya oleh Datuk Bandar / Yang Dipertua masing-masing.

- Penilaian prestasi tahunan penjawat awam di Negeri Selangor, termasuk Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Pengarah di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dilaksanakan sepenuhnya berteraskan kepada **Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam** selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

Sistem penilaian prestasi penjawat awam ini adalah melibatkan aliran proses utama seperti berikut:-

- a) Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pada setiap awal tahun termasuk jenis projek, aktiviti dan jangka masa siap serta penetapan tahap ukuran mengikut jenis kerja berasaskan kuantiti, kualiti, kos dan masa;
- b) Kajian semula pencapaian kerja sebenar berbanding sasaran kerja yang ditetapkan pada pertengahan tahun;
- c) Penilaian prestasi pegawai pada hujung tahun oleh Pegawai Penilai menggunakan format **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** ; dan
- d) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) menyelaras markah penilaian prestasi pegawai serta membuat perakuan bagi pergerakan gaji tahunan, penganugerahan, surat penghargaan dan bimbingan dan kaunseling.

Semakan mendapati prestasi para Datuk Bandar dan Yang Dipertua bagi Pihak-pihak Berkuasa Tempatan di Selangor pada tahun 2010 secara keseluruhannya mencapai tahap **amat baik**, di mana setiap Datuk Bandar dan Yang Dipertua telah berjaya memperolehi markah LNPT tahun 2010 **melebihi 80%**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING

84. Program Jom Shopping dianggap berjaya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat ini, berapakah jumlah warga emas yang mendapat manfaat dari skim ini?
- b) Jumlah RM100 dianggap kecil berbanding dengan jumlah RM2500 yang diperuntukkan kepada warga emas. Tidakkah wajar dinaikkan peruntukan semasa hayat warga emas kepada RM1000?
- c) Tidakkah difikirkan manfaat lain selain Jom Shopping?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 27hb Oktober 2011 sejumlah 20,382 orang warga emas dan OKU yang berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas telah dibawa berbelanja melalui program ini.
- b) dan c)

Walaupun jumlah RM100 itu dikatakan kecil, namun ia telah berjaya mendatangkan keceriaan kepada warga emas di Negeri Selangor yang jelas tergambar sewaktu mereka beramai-ramai bersama untuk berbelanja.

Apa yang lebih penting, matlamat program ini berjaya dicapai apabila mereka berjaya dibawa keluar daripada sindrum "*empty nest*" atau kekosongan kerana anak-anak tidak lagi tinggal bersama, mungkin juga sibuk bekerja atau mereka kini ditinggalkan berseorangan.

Melalui program ini, warga emas dapat berjumpa teman-teman termasuk teman baru, berinteraksi antara satu sama lain, membuat keputusan dan pilihan sendiri barang apa yang diinginkan di samping dapat keluar daripada suasana persekitaran rumah dan kampung. Ini dapat dilihat sebagaimana mereka dari Sabak Bernam yang menyertai rombongan datang ke Kuala Selangor atau Meru untuk berbelanja. Demikian juga mereka dari Sungai Pelek yang mengikuti rombongan ke Kajang atau Banting untuk berbelanja sebagai contoh.

Kerajaan Negeri juga tidak akan berhenti setakat program JOM Shopping sahaja bagi menyampaikan manfaat kepada warga emas dan OKU semasa mereka hidup. Pelbagai program sedang dirancang dan pastinya ia melibat peruntukan yang lebih besar lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : SKIM-SKIM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Adakah elauan petugas / kerani kawasan DUN akan dinaikkan memandangkan bahawa kerja dan tanggungjawab tambahan adalah diperlukan disebabkan oleh perubahan atau tambahan kepada skim-skim MES? Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebab.
 - Mengapakah perubahan-perubahan kepada skim-skim MES tidak dibincangkan dengan semua ADUN sebelum diimplementasikan atau dilaksanakan?
 - Adakah pihak jawatankuasa MES atau konsultan-konsultan MES akan mengadakan sesi perbincangan atau konsultasi pada masa depan sebelum melaksanakan sebarang perubahan kepada skim-skim MES?

JAWAPAN :

- Buat masa ini belum ada sebarang perbincangan atau keputusan dibuat untuk menaikkan elauan petugas / kerani kawasan DUN.
- Sebelum perlaksanaan program-program baru, agensi pelaksana program ada membuat pertemuan dengan ADUN atau wakilnya bagi mendapatkan maklum balas. Sebagai contoh, sebelum perlaksanaan program JOM Shopping, RMSB ada menjemput ADUN / wakilnya untuk mendapatkan maklum baias dan penerangan berkaitan program. Tetapi ia tidak mendapat sambutan yang baik. Lebih kurang 10% sahaja ADUN yang hadir dan kebanyakannya menghantar wakil. Terdapat juga wakil-wakil ADUN yang hadir gagal menyampaikan maklumat kepada ADUN yang berkenaan.
- Sewajarnyalah agensi-agensi pelaksana program-program MES mengadakan sesi perbincangan dan penerangan sebelum satu-satu program itu dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH KERAJAAN DIBERIMILIK KEPADA PERBADANAN
KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan, jika ada, yang telah diberi milik kepada PKNS?
 - Berapakah keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh PKNS?
 - Berapakah cukai tanah tertunggak, jika ada, yang masih belum dibayar oleh PKNS?

JAWAPAN :

- Jumlah keluasan tanah kerajaan yang telah diberi milik kepada PKNS adalah seluas **1,543.53 ekar**.
- Jumlah keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh PKNS adalah seluas **361.36 ekar**.
- Jumlah cukai tanah tertunggak yang masih belum dibayar oleh PKNS adalah sebanyak **RM 16,001,686.80**. Dari semakan yang telah dibuat, PKNS telah menjelaskan cukai tanah kecuali bagi harta tanah yang telah dijual dan sedang dalam proses pindah milik kepada nama pembeli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : HARI TANPA BEG PLASTIK SETIAP HARI SABTU

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Adakah benar bahawa terdapat pasaraya-pasaraya tertentu yang memulihkan pemberian beg plastik pada hari Sabtu?
 - Apakah langkah-langkah berterusan daripada kerajaan negeri untuk mengembangkan kempen ini ke seluruh Selangor?

JAWAPAN :

- Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa pasaraya kecil yang masih memberi beg plastik percuma pada hari Sabtu. Walaubagaimanapun, kebanyakan pasaraya-pasaraya besar dan yang kerap menjadi kunjungan orang ramai masih lagi menyokong Kempen Hari Tanpa Beg Plastik dan semakin ramai pengusaha yang melibatkan diri dalam program ini bagi membantu menjayakan kempen dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan pengguna.
- Kerajaan Negeri telah memperkenalkan kempen ini pada awal tahun 2010 dan telah berjaya mendapat sambutan banyak pihak termasuk Kerajaan Persekutuan yang telah menguatkuasakan kempen ini di seluruh negara pada bulan April tahun ini. Secara tidak langsung, kempen ini telah diperluaskan ke seluruh Selangor.

Kerajaan Negeri akan mengadakan kempen kesedaran secara berterusan bagi memastikan masyarakat setempat memahami kesan-kesan dan tanggungjawab mereka dalam penjagaan alam sekitar yang mampan. Antara usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan objektif kempen tercapai adalah mengadakan "roadshow" di kalangan masyarakat setempat dalam mempromosikan kempen tanpa beg plastik. Kerajaan Negeri juga telah memulakan kempen hari tanpa beg plastik dan polistiren di bangunan – bangunan Kerajaan Negeri Selangor bagi mendidik kakitangan kerajaan mengenai kesedaran alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PELABURAN LUAR NEGARA KE SELANGOR

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah nilai pelaburan luar negara yang diterima oleh Selangor sepanjang 2010-2011?
 - Senaraikan nama pelabur berkenaan mengikut sektor pelaburan.

JAWAPAN :

- Bagi tempoh Januari hingga Julai 2011, negeri Selangor telah berjaya mencatat jumlah pelaburan asing sebanyak **RM3.38 bilion** dengan **73 buah projek** yang diluluskan. Industri tertinggi yang menyumbang kepada pelaburan asing ini adalah di **sektor elektrik dan elektronik** yang menyumbang sebanyak **RM1.15 bilion**. Daripada jumlah projek yang diluluskan ini, sebanyak **6,823 peluang pekerjaan** telah dapat diwujudkan.

Bagi tahun 2010, pelaburan asing berjaya mencatat nilai pelaburan berjumlah **RM5.1 bilion**. Sektor tertinggi yang menyumbang pelaburan bagi tahun tersebut ialah sektor produk mineral yang berasaskan bahan bukan metalik (*non-metalic mineral product*) dengan jumlah **RM1.5 bilion**. Pada tahun tersebut, pelaburan asing mencatat **154 buah projek** yang telah diluluskan dan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak **14,402**.

Secara keseluruhannya, bagi tempoh sepanjang tahun **2010 sehingga Julai 2011**, pelaburan asing di negeri Selangor berjaya mencatat **RM8.5 bilion**.

- Lima (5) buah negara asing yang telah membuat pelaburan tertinggi pada tahun 2010 ialah:
 - Jepun**: Jumlah pelaburan **RM2.1 bilion** dengan **22 projek** yang diluluskan dan mewujudkan **1,923 peluang pekerjaan**.
 - Singapura**: Jumlah pelaburan **RM1.2 bilion** dengan **18 projek** yang diluluskan dan mewujudkan **1,413 peluang pekerjaan**.
 - Thailand**: Jumlah pelaburan **RM388.430** juta dengan **4 projek** dan mewujudkan **679 peluang pekerjaan**.

- iv. **Amerika Syarikat**: Jumlah pelaburan **RM334.963 juta** dengan **8 projek** yang diluluskan dan mewujudkan **2,163 peluang pekerjaan**.
- v. **Hong Kong**: Jumlah pelaburan **RM156.663 juta** dengan **3 projek** dan mewujudkan sebanyak **864 peluang pekerjaan**.

Lima (5) buah negara asing yang membuat pelaburan tertinggi pada tahun 2011 (Januari hingga Julai 2011) ialah:

- i. **Jepun**: Jumlah pelaburan **RM1.16 bilion** dengan **15 projek** yang diluluskan dan mewujudkan **1,027 peluang pekerjaan**.
- ii. **Korea**: Jumlah pelaburan **RM652 juta** dengan **3 projek** yang diluluskan dan mewujudkan **387 peluang pekerjaan**.
- iii. **Singapura**: Jumlah pelaburan **RM509.8 juta** dengan **8 projek** yang telah diluluskan dan mewujudkan **834 peluang pekerjaan**.
- iv. **Taiwan**: Jumlah pelaburan **RM385.5 juta** dengan **6 projek** yang diluluskan dan mewujudkan **2,041 peluang pekerjaan**.
- v. **Sweden**: Jumlah pelaburan **RM216.8 juta** dengan **1 projek** yang diluluskan dan mewujudkan **173 peluang pekerjaan**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: MASALAH PADI ANGIN

89. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan apakah kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi masalah padi angin?
 - Sila huraikan sejauh manakah masalah padi angin ini telah menjelaskan hasil pengeluaran para petani?
 - Sila nyatakan secara detail apakah keberkesanan padi **MR 220 Clean Field 1** terhadap permasalahan padi angin?

JAWAPAN :

- a) Langkah-Langkah Kawalan Padi Angin

Di antara aktiviti –aktiviti kawalan secara bersepadu yang boleh dijalankan bagi kawalan serangan Padi Angin iaitu;–

- Selepas penuaian hendaklah menjalankan aktiviti menebas jerami, serak rata dan pembakaran secara sekata dan terkawal. Sekiranya pembakaran tidak sempurna boleh menggalakkan bank benih padi angin pada petak sawah.
- Sebelum aktiviti pembajakan dijalankan aktiviti penyemburran racun rumpai pra- tanam boleh dilaksanakan di dalam air.
- Penggunaan benih bebas padi angin. Pembekal benih padi haruslah bertanggungjawab dalam membekalkan benih padi yang berkualiti dan pemeriksaan petak sawah untuk dijadikan benih perlu dijalankan secara telus dan penuh tanggungjawab agar sebaran padi angin dapat dihalang.
- Kawalan awal menggunakan racun kimia seperti Sofit di dalam air dapat mengurangkan serangan padi angin.
- Penanaman variety padi jenis MR 220CL1 dan MR 220CL2 (Sistem Pengeluaran Clearfield) yang disyorkan oleh MARDI dapat mengurangkan serangan padi angin.

- vi) Kaedah penapakkan seperti tabur terus dalam air, drum seeding dan penanaman secara transplanter mengikut pengesyoran MARDI dapat mengurangkan populasi serangan padi angin.
 - vii) Aktiviti penakaian/rodging padi angin secara manual atau mesin adalah penting dan harus dilaksanakan oleh petani kerana dapat mengurangkan sebaran padi angin.
 - viii) Penggunaan agen kawalan biologi seperti pembelaan itik juga dapat mengawal serangan padi angin.
 - ix) Sekiranya kehadiran padi angin secara berkelompok dalam sawah boleh menjalankan semburan racun paraquat pada kelompok padi angin tersebut.
 - x) Sekiranya keadaan padi angin terlalu tinggi, aktiviti penggiliran tanaman lain semusim boleh mengurangkan bank benih padi angin dalam sawah.
- b) Kehadiran padi angin di dalam sawah boleh mengakibatkan persaingan pengambilan makanan (baja) kepada padi sedia ada. Ini boleh mengganggu pertumbuhan padi dan mengakibatkan pengurangan hasil. Kehadiran padi angin juga menjadi sumber perumah bagi pelbagai serangga perosak dan penyakit. Secara tidak langsung mengakibatkan padi sedia ada juga turut terancam terhadap pelbagai serangan perosak (contoh : bena perang, ulat pengorek batang dll) dan penyakit (karah, hawar seludang dll) yang boleh menjelaskan hasil petani. Kos penakaian/rodging padi angin secara manual atau mesin yang dianggarkan sekitar RM500.00/lot sehingga RM1000.00/lot juga mengakibatkan petani mengalami kerugian. Kehadiran padi angin juga boleh meningkatkan kejadian pokok padi rebah apabila musim hujan atau ribut melanda dan ini akan mengakibatkan pengurangan hasil petani.
- c) Berdasarkan pemerhatian penanaman padi di kawasan Sawah Sempadan dan Sabak Bernam didapati populasi serangan padi angin amat berkurang terutama yang menggunakan padi MR 220 CL1. Hasil petani juga boleh mencecah sehingga 8 mt/lot dan boleh mencapai sehingga 12 mt/lot. Kos penakaian/rodging juga dapat dikurangkan kerana populasi serangan padi angin sangat berkurang iaitu pada Tahap Tr (Tr = Beberapa pokok bertaburan/lot sawah) dan Tahap 1 ($1 = 1\text{-}10\%$ liputan padi angin/lot sawah). Padi MR 220 CL1 ini mempunyai sifat kebal terhadap semburan racun rumpai imidazolinone yang boleh memusnahkan padi angin dan rumpai yang ada di sawah. Secara tidak langsung kos semburan racun rumpai juga dapat dikurangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

90. Kumpulan SEMESTA ditubuhkan oleh kerajaan negeri bagi mengendalikan kerja-kerja perlombongan dan pengambilan pasir dalam konteks Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES);

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Nyatakan jumlah keuntungan yang diperolehi.
- Selain membantu Skim Mesra Usia Emas (SMUE), apakah bantuan-bantuan lain yang disalurkan kepada rakyat. Senaraikan?

JAWAPAN :

- Keuntungan sebelum cukai KSSB untuk tempoh September 2008 sehingga September 2011 adalah seperti berikut;

Prestasi	2008 (Sept - Dis)	2009	2010	2011 (Jan - Sept)	Jumlah
Untung Sebelum Cukai (RM)	1,187,394	8,815,507	22,470,832	19,682,296	52,156,029

- KSSB telah menyalurkan sumbangan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk program-program yang dijalankan oleh kerajaan negeri. Antaranya adalah program Jom Shopping , Program Kerajaan Prihatin dan beberapa program lain. Sumbangan KSSB untuk tahun 2011 sehingga bulan September adalah sebanyak sekitar RM6.8 juta.

Di samping itu, KSSB juga telah memberikan sumbangan kepada badan-badan kebajikan dan rumah-rumah ibadat di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah sekitar RM 745,000 untuk tempoh September 2008 sehingga September 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: SEKOLAH AGAMA RENDAH

91. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria yang diperlukan untuk memohon SRA?

JAWAPAN:

- a) Sekolah Rendah Agama (SRA) adalah sekolah yang diurus oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang memberi pendidikan kepada murid-murid Islam berumur dari 7 hingga 12 tahun .

Bangunan dan kemudahan prasarana sekolah ini disediakan oleh Kerajaan Negeri dan dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Guru-guru yang bertugas di SRA dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (Guru-guru Tetap) dan Jabatan Agama Islam Selangor (Guru-guru KAFA).

Kriteria utama penubuhan SRA ialah

- 1- Permintaan penduduk Islam setempat
- 2- Terdapat tapak yang diwartakan untuk Institusi Pendidikan Islam yang dikawal oleh Pengarah JAIS atau tanah Wakaf yang diurus oleh Majlis Agama Islam Selangor.
- 3- Mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membina bangunan sekolah dan membayar gaji atau elauan kepada guru-guru.

Kriteria Kemasukan Murid Ke SRA

1. Warganegara Malaysia
2. Murid-murid yang beragama Islam
3. Berumur di antara 7 hingga 12 tahun
4. Bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MENGHARGAI BAKAT RAKYAT NEGERI SELANGOR

92. Terdapat di kalangan rakyat mempunyai bakat menonjol di dalam sesuatu bidang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah sebarang usaha bagi mengenal pasti mereka yang berbakat?
- b) Apakah mekanisme yang digunakan dalam penilaian terhadap mereka?
- c) Apakah insentif yang patut diberi bagi kepentingan negeri?

JAWAPAN :

- a) Pencarian bakat tidak difokuskan kepada sesuatu bidang yang khusus. Namun begitu. Kerajaan Negeri sentiasa melakukan program-program yang secara tidak langsung boleh mencetuskan bakat-bakat terpendam di kalangan rakyat. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah menganjurkan program Tokoh Ilmuwan Negeri Selangor. Melalui program ini terdapat beberapa lagi program kecil yang menyokong program induk ini seperti Anugerah Kecemerlangan Mahasiswa dan Anugerah Penulis Selangor di samping program induk Tokoh Ilmuwan Negeri Selangor itu sendiri. Terdapat juga program-program yang dilakukan khusus seperti Pertandingan Bercerita Tokoh Ilmuwan di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Rendah seluruh daerah Negeri Selangor. Kesimpulannya, program yang dianjurkan semuanya mempunyai nilai ilmiah dan boleh memberi manfaat kepada semua rakyat Negeri Selangor.
- b) Mekanisme yang diambil ialah dengan mengadakan banyak pertandingan baik di peringkat negeri dan kebangsaan. Sebagai contoh Kerajaan Negeri telah memberikan geran bantuan kepada pelajar-pelajar UNISEL untuk menyertai pertandingan mereka cipta automotif di peringkat kebangsaan. Ini secara

langsung menggalakkan percambahan kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar-pelajar.

Penilaian secara khusus bagi program Tokoh Ilmuwan ialah dari segi kecemerlangan akademik, bidang kepakaran dan sumbangan yang telah diberikan kepada masyarakat. Kriteria ini juga mengambil kira keseluruhan potensi tokoh tersebut sehingga boleh dijadikan ikon kepada seluruh masyarakat.

Bagi program Anugerah Kecemerlangan Mahasiswa pula penilaian yang dilakukan adalah tertumpu kepada kecemerlangan akademik, potensi bakat kepimpinan dan sumbangan kepada masyarakat. Program ini juga melihat seluruh aspek individu dan akademik sebagai asas penting dalam penilaian terhadap mereka.

- c) Setakat ini, insentif yang diberikan adalah dalam bentuk wang tunai dan trofi. Bagi Anugerah Tokoh Ilmuwan Negeri Selangor, wang tunai sebanyak RM10,000 dan piala diberikan kepada penerima Anugerah tersebut. Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa melihat kepada pemberian insentif-insentif yang bersesuaian pada masa-masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : BAYARAN PREMIUM UNTUK MELANJUTKAN PAJAKAN TANAH

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Siapakah yang telah memformulasikan dan melaksanakan formula terkini untuk mengira kadar bagi bayaran premium untuk melanjutkan pajakan tanah dan sejak bila formula ini telah digunakan?
 - Apakah jawapan pihak kerajaan negeri terhadap perbahasan pihak awam bahawa kadar bagi premium patut diselaraskan pada kadar yang berpatutan, sebagai contoh, RM2.50 untuk satu meter persegi?
 - Apakah jawapan pihak kerajaan negeri terhadap perbahasan pihak awam bahawa tanah Petaling sepatutnya adalah tanah pertanian dan pemilikan persendirian oleh Petaling Berhad dan seharusnya dijadikan tanah pegangan kekal (freehold)?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri Selangor di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan pengiraan premium bagi tujuan melanjutkan tempoh pajakan bagi memberi peluang kepada rakyat Selangor menentukan sendiri kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing. Formula ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN ke 19/2011 bertarikh 1 Jun 2011 dan disahkan oleh MMKN ke 20/2011 pada 8 Jun 2011. Pelaksanaan Pekeliling PTG 6/2011 berkuat kuasa 1 Jun 2011.
- Seperti mana yang telah dinyatakan, objektif skim ini adalah untuk menyelesaikan masalah orang ramai berkaitan ketidakmampuan menjelaskan bayaran premium tanah dan sekali gus memberi peluang kepada rakyat Selangor menentukan sendiri kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing. Kerajaan Negeri berpandangan pilihan opsyen yang diberikan kepada pemilik tanah adalah adil dan berpatutan.
- Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, menetapkan bahawa pemilikan tanah kerajaan hendaklah bagi tempoh tidak melebihi 99 tahun. Perlu dijelaskan di sini bahawa kewujudan hak milik tanah berstatus Pegangan Bebas (Freehold) adalah kerana tanah tersebut pada asalnya merupakan ladang estet. Apabila ia

ditukar syarat nyata daripada pertanian kepada kediaman, status pegangan bebas tidak berubah.

Lain pula keadaannya, apabila sesuatu tanah kerajaan yang diberimilik, maka ia akan dilupuskan dengan tempoh pajakan 99 tahun. Lagipun, bagi setiap 99 tahun, Kerajaan Negeri mengharapkan dan menjangkakan akan beroleh kutipan cukai bukan hasil yang akan diterima sebagai balasan perlanjutan tempoh pajakan. Cukai Bukan Hasil hanya dikutip bagi setiap pegangan harta tanah sekali untuk 99 tahun. Manakala Cukai Tanah dikutip setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH KERAJAAN DIBERIMILIK KEPADA PENDIDIKAN
INDUSTRI YS SDN BHD (PIYS)**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan, jika ada, yang telah diberi milik kepada PIYS?
 - b) Berapakah keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh PIYS?
 - c) Berapakah cukai tanah tertunggak, jika ada, yang masih belum dibayar oleh PIYS?

JAWAPAN :

- a) Jumlah keluasan tanah kerajaan yang telah diberimilik kepada PIYS adalah sebanyak 1002 ekar.
- b) Keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan adalah sebanyak 430 ekar.
- c) Cukai tanah tertunggak yang masih belum dibayar oleh PIYS adalah sebanyak RM1,004,160.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR DI PETALING JAYA

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Terdapat pandangan bahawa kerajaan negeri dan anak-anak syarikatnya seperti PKNS akan merampas balik tanah-tanah di Seksyen 51A yang sudah mempunyai hakmilik untuk pembangunan semula. Apakah penjelasan daripada kerajaan?
 - b) Adakah PKNS juga akan menjalankan pembangunan semula di flat PKNS Seksyen 17 dan SS8 berdekatan dengan pasaraya Bintang Jalan SS3/39?

JAWAPAN :

- a) Tanah-tanah tersebut tidak dirampas sebaliknya adalah hakmilik persendirian PKNS. PKNS mengambil inisiatif untuk membangunkan semula tanah-tanah tersebut bagi menyahut seruan Kerajaan ke arah 'Urban Regeneration' yang merupakan sebahagian daripada Program Rangsangan Ekonomi.
- b) Program 'Urban Regeneration' ini juga turut meliputi bangunan-bangunan Rumah Pangsa lama PKNS yang majoritinya telah menccah usia 30 tahun ke atas. Program pembangunan semula ini dilaksanakan dengan penglibatan penuh dari setiap penduduk/pemilik unit yang terlibat. Penerangan dan rundingan terus dengan para pemilik unit diadakan secara berterusan bagi menjelaskan objektif dan sasaran program pembangunan semula tersebut. Cadangan Pembangunan Semula untuk Seksyen 17 sedang dirunding dengan penduduk manakala Pembangunan Semula SS 8 telahpun siap dimajukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : TUNGGAKAN BAYARAN KONTRAK KERJA ALAM FLORA SDN BHD

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan jumlah bayaran tunggakan kepada kontraktor-kontraktor perkhidmatan , pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di MPK oleh Alam Flora Sdn Bhd.
 - Senaraikan nama kontraktor-kontraktor yang berkenaan.
 - Senaraikan nama kontraktor baru yang akan mengambil alih kontrak perkhidmatan setelah penamatkan Alam Flora Sdn Bhd.

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Klang (MPK) tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung tunggakan hutang kepada kontraktor-kontraktor perkhidmatan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Ini disebabkan kerana maklumat tersebut adalah sulit di pihak AFSB untuk diberikan kepada Kerajaan Negeri.
- Pihak MPK tiada mempunyai sebarang maklumat berhubung senarai nama kontraktor yang berkenaan.
- Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kini dalam proses membuat kajian berhubung penstrukturran semula di setiap kawasan pentadbiran majlis. Kerajaan Negeri telah mengarahkan agar semua PBT agar menyerap dan mengekalkan kontraktor asal di bawah kendalian pihak AFSB secara interim sehingga 31 Disember 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

97. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Sila berikan butiran terperinci berapakah jumlah kutipan wang zakat Negeri Selangor sejak 5 tahun yang lalu?
 - Sila nyatakan berapakah gaji bulanan dan elaun-elaun yang diterima oleh CEO serta Timbalan CEO Lembaga Zakat Selangor?
 - Sila kemukakan butiran terperinci berapakah jumlah perbelanjaan pengurusan LZS termasuk gaji pegawai dan pengurusan pejabat serta berapakah peratuskah yang dibayar kepada asnaf?

JAWAPAN :

- a) Jumlah kutipan wang zakat Negeri Selangor sejak 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut :

Tahun	Kutipan (RM)		Jumlah (RM)
	Harta	Fitrah	
2006	150,037,698	9,896,315	159,934,013
2007	190,534,968	11,554,176	202,089,144
2008	232,204,921	12,267,963	244,472,884
2009	267,168,563	16,618,483	283,787,046
2010	319,601,241	17,333,281	336,934,522

- b) Skim pengajian barisan pengurusan termasuk CEO di Lembaga Zakat Selangor (MAIS) adalah berdasarkan kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Berdaftar. Segala maklumat berkaitan skim tersebut adalah sulit dan peribadi. Untuk makluman juga, LZS tidak mempunyai jawatan Timbalan CEO. Pembayaran gaji dan imbuhan kakitangan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) adalah daripada peruntukan asnaf amil.
- c) Adalah dimaklumkan, 1/8 daripada jumlah kutipan zakat diperuntukkan kepada asnaf amil. manakala 7/8 daripada jumlah kutipan diagihkan kepada 7 golongan asnaf yang lain (fakir, miskin, mualaf, fisabilillah, gharim, ibu sabil dan riqab) sebanyak RM288,247,688. Perincian pengagihan itu dapat dilihat pada jadual berikut :

PERINCIAN PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA LAPAN ASNAF

ASNAP	Pengagihan Kepada 8 Asnaf	
	2010 (RM)	Peratus Pengagihan
Fakir	50,340,016	14.9
Miskin	76,862,543	22.8
Muallaf	19,956,580	5.9
Fisabilillah	108,303,881	32.1
Gharim	29,105,926	8.6
Ibnu Sabil	1,223,822	0.4
Riqab	2,454,920	0.7
Jumlah	288,247,688	
Amil	42,116,815	12.5

JUMLAH AGIHAN KESELURUHAN : RM330,364,503

RM42 juta adalah pendapatan asnaf amil daripada 1/8. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010, Amil hanya membelanjakan RM30,439,963 daripada jumlah tersebut, iaitu perbelanjaan untuk pengurusan institusi amil termasuk pentadbiran, R & D, pemasaran & promosi, sumber manusia dan prasarana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKAN PKNS

98. Dalam mengendalikan harta PKNS, berapa banyakkah perubahan yang dibuat ke arah penambahbaikan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan penambahbaikan tersebut.

JAWAPAN :

a)

1. Tanah-tanah yang belum dan akan dimajukan, PKNS telah dan akan meletak papan tanda 'Hakmilik PKNS' dan diselenggara untuk memastikan kawasan bersih dan tidak diceroboh.
2. Bagi tanah-tanah yang disewakan, pemantauan dibuat melalui lawatan tapak dari masa ke semasa untuk memastikan syarat-syarat penyewaan dipatuhi antaranya berkaitan dengan penyewa menjalankan operasi seperti yang diluluskan dan menjaga kebersihan kawasan.
3. Bagi tanah-tanah yang dipajak, PKNS memantau untuk memastikan pemajak menjalankan operasi manakala kebersihan kawasan adalah menjadi tanggungjawab pemajak.
4. Konsep '*built & lease*', di mana PKNS tidak menjual tanah secara terus tetapi PKNS membina dan seterusnya memajakkan tanah dan bangunan kepada syarikat yang ingin beroperasi di tanah PKNS.
5. Mewujudkan pentadbiran yang lebih telus dengan menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan serta Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus dan Integriti bagi memastikan PKNS berada pada landasan yang betul.
6. Semua perolehan di PKNS dilaksanakan mengikut Pekeliling Perbendaharaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: MASJID

99. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria yang diperlukan untuk memohon atau menaiktaraf surau ke Masjid?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PERTAMBAHAN SISA PEPEJAL

100. Sejak Januari 2011 hingga ke akhir tahun 2011, pertambahan sisa pepejal terus berlaku antara 12 000 hingga 17 000 ton sebulan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kaedah yang digunakan untuk melupuskan jumlah sisa pepejal berkenaan?
- b) Apakah halangan-halangan yang dihadapi?
- c) Mengapakah aduan-aduan longgokan sampah terus berlanjutan di kawasan MPKj?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor mempunyai empat (4) buah pusat sisa pepejal yang masih beroperasi bagi menampung sampah dari setiap PBT. Pusat sisa pepejal di Negeri Selangor terbahagi kepada dua (2) jenis pusat pelupusan sampah iaitu *Sanitary Landfill* dan *Inert Waste*. Bagi tapak pelupusan di Tanjung Dua Belas di daerah Kuala Langat dan Jeram Landfill di daerah Kuala Selangor terletak di bawah kategori *Sanitary Landfill*. Manakala bagi kategori tapak pelupusan jenis *Inert Waste* tapak pelupusan tersebut terletak di daerah Dengkil dan Kuang. Tapak-tapak pelupusan tersebut masih mampu untuk menerima sampah yang dihantar oleh semua PBT.
- b) Terdapat beberapa halangan yang dihadapi oleh PBT dalam menguruskan sisa pepejal yang semakin bertambah. Antara halangan dihadapi adalah dari segi lokasi yang jauh serta bayaran *tipping fee* yang semakin meningkat. Selain daripada itu, masalah kekurangan tapak pelupusan sampah turut merupakan halangan kepada pihak PBT bagi melupuskan sampah yang dikutip mengikut jadual.
- c) Pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menyatakan bahawa masalah berhubung aduan longgokan sampah haram ini adalah berpunca daripada sikap penduduk di kawasan tersebut. Ini adalah kerana tiada wujudnya sikap kesedaran mengenai penjagaan kebersihan alam sekitar. Pihak MPKj juga telah mengenal pasti terdapatnya pertambahan lokasi pembuangan sampah haram setelah tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : SKIM PEMILIKAN TANAH KERAJAAN UNTUK TUJUAN
BANGUNAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN DI NEGERI
SELANGOR**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kebenaran telah diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj untuk melaksanakan skim ini?

JAWAPAN :

- a) Ya, YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah mendapat perkenan duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sebelum membincangkan sebarang kertas ringkasan atau kertas cadangan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH KERAJAAN DIBERIMILIK KEPADA SELANGOR
STATE INVESTMENT CENTRE BHD (SSIC)**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kluasan tanah kerajaan, jika ada, yang telah diberi milik kepada SSIC?
- b) Berapakah kluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh SSIC?
- c) Berapakah cukai tanah tertunggak, jika ada, yang masih belum dibayar oleh SSIC?

JAWAPAN :

- a, b, c) SSIC Berhad merupakan Agensi Sehenti Pelaburan (*One-Stop-Investment Agency*) yang menguruskan dan mengkoordinasi urusan pelaburan asing dan tempatan di negeri Selangor. SSIC juga bertanggungjawab untuk mempromosi tanah-tanah dan kawasan-kawasan perindustrian yang dimiliki oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), dan Worldwide Holdings serta turut mempromosi tanah-tanah milikan persendirian.

Walau bagaimanapun, SSIC Berhad tiada memiliki sebarang tanah yang diberi milik oleh Kerajaan Negeri Selangor. Untuk itu, syarikat ini tidak terlibat dengan sebarang pembayaran cukai tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN ISLAM DI SELANGOR

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak peruntukan untuk pembangunan Islam di Selangor dan nyatakan butiran terperinci tentang bagaimana peruntukan ini telah digunakan untuk pembangunan Islam termasuk program-program pembangunan infrastruktur yang telah dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan negeri seperti JAIS dan MAIS.

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang diberikan kepada JAIS untuk pembangunan Islam termasuk baikpulih bangunan dan infrastruktur bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM110,600,000.00 di bawah vot P.14.

- Butiran-butiran peruntukan tersebut adalah seperti berikut:-

<u>Bil.</u>	<u>Kod Projek</u>	<u>Peruntukan 2011</u>	
		<u>RM</u>	<u>Baki Peruntukan</u>
i)	P.K. 1 Sekolah-sekolah Agama	50,600,000.00	37,164,080.28
ii)	P.K. 2 Pejabat-pejabat Agama Islam	25,000,000.00	10,376,647.40
iii)	P.K. 3 Masjid-masjid	32,000,000.00	16,940,392.55
iv)	P.K. 4 Pelbagai	<u>3,000,000.00</u>	<u>3,411,134.41</u>
	Jumlah	<u>110,600,000.00</u>	<u>67,892,254.64</u>

- Senarai di Lampiran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KONTRAKTOR KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KEMUDAHAN INFRA DI MERU

104. Banyak peruntukan yang dikeluarkan dalam perbelanjaan mengadakan dan memperbaiki/membaikeh pulih kemudahan infra sama ada melalui JKR dan MPK.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Senaraikan kontraktor yang mendapat kerja-kerja kontrak tersebut di kawasan Meru melalui MPK dan JKR Selangor?
- Apakah masalah yang dihadapi oleh kontraktor yang menyebabkan kerja-kerja lambat siap dan tidak memenuhi standard piawaian yang ditetapkan?

JAWAPAN :

- Senarai kontraktor yang mendapat kerja-kerja kontrak di kawasan Meru melalui JKR Selangor adalah seperti berikut.

Bil Kerja	Nama Kontraktor	Nilai Kerja (RM)	Status
20	20 kontraktor seperti dilampiran I	1,776,870.00	15 Siap 4 Pembinaan (mengikut jadual) 1 Proses Iklan

Senarai lengkap adalah seperti di lampiran I

- Bagi projek-projek JKR, tiada masalah kelewatan yang dialami dan JKR sentiasa memantau semua projek-projek yang dilaksanakan agar ianya memenuhi standard piawaian yang telah ditetapkan.

LAMPIRAN I

SENARAI KERJA PENYELENGGARAAN NEGERI ,MERU,KLANG)

Bil	Nama Projek	Kos Projek	Tempoh Kontrak	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kontraktor	Kemajuan	Status
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI JALAN ROSAK DI JALAN MERU TAMBAHAN (KM2.0 - 2.1), MERU, KLANG, SELANGOR	19,974.00	(1) MINGGU	22.07.2011	29.07.2011	HATI DESA ENTERPRISE	100%	SELESAI
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI JALAN ROSAK DI JALAN MERU TAMBAHAN (KM2.3 - 2.4) MERU, KLANG, SELANGOR	19,947.00	(1) MINGGU	22.07.2011	29.07.2011	AMBANG SEMERAH	100%	SELESAI
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI JALAN ROSAK DI JALAN MERU TAMBAHAN (PERSIMPANGAN JALAN ISKANDAR), MERU, KLANG, SELANGOR	19,974.00	(1) MINGGU	22.07.2011	29.07.2011	HAMPARAN JAYA ENTERPRISE	100%	SELESAI
4	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENGECHAT TRANVERSE BAR DI JALAN MERU TAMBAHAN, MERU, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	19,775.00	(1) MINGGU	01.08.2011	08.08.2011	LINA CONSTRUCTION & TRADING	100%	SELESAI
5	KERJA-KERJA MEMBAIKI PENGHADANG JAMBATAN (RAILING) DI JALAN MERU TAMBAHAN, MERU, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	19,712.02	(1) MINGGU	01.08.2011	08.08.2011	SELOKA JAYA	100%	SELESAI
6	KERJA-KERJA MENGECHAT GARISAN JALAN DI JALAN MERU TAMBAHAN, MERU, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	19,825.00	(1) MINGGU	01.08.2011	08.08.2011	MALEHEMAS ENTERPRISE	100%	SELESAI
7	KERJA-KERJA MENAIKTARAF PERSIMPANGAN JALAN LIMAU/PERSIARAN HAMZAH ALANG, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	170,287.00	(8) MINGGU	14.09.2011	09.11.2011	PERNIAGAAN DAN PEMBINAAN JRB	45%	SEDANG DALAM PEMBINAAN
8	KERJA-KERJA LANSKAP DAN LAIN-LAIN KERJA BARKAITAN DI JALAN HJ ABDUL MANAN, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	121,910.00	(3) Minggu	24.10.2011	14.11.2011	D RIZZ RESOURCES		SEDANG DALAM PEMBINAAN
9	KERJA-KERJA MEMASANG PAGAR DI JALAN HJ ABDUL MANAN, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	102,150.00	(3) Minggu	24.10.2011	24.10.2011	BAIRENA CONSTRUCTION		SEDANG DALAM PEMBINAAN
10	KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN DI JALAN BUNGA RAYA, MERU, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	315,106.00	(4) Minggu	1.11.2011	28.11.2011	NAADI ENTERPRISE		SEDANG DALAM PEMBINAAN

11	KERJA-KERJA MENAIKTARAF PERSIMPANGAN JALAN HAJI SALLEH / FT 3217, MERU ,KLANG SELANGOR DARUL EHSAN.	500,000.00	-	-	-	-	-	DALAM PROSES IKLAN
12	KERJA-KERJA MEMBAIKI KEROSAKAN JALAN DI JALAN DURIAN, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	99,746.50	(3) Minggu	23/2/2011	16/03/2011	K&N Tech Servises	100%	Selesai Proses Bayaran
13	KERJA-KERJA MEMBAIKI KEROSAKAN JALAN DI JALAN KEMPAS, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	99,940.00	(3) Minggu	23/2/2011	16/03/2011	T.K Gadung	100%	Selesai Proses Bayaran
14	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JLN KHAMIS, MERU KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	100,297.00	(3) Minggu	23/5/2011	13/6/2011	KARISMA ENTERPRISE	100%	Dalam Proses Bayaran
15	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENGECHAT TANDA JALAN MENGGUNAKAN 'THERMOPLASTIC' SERTA YANG BERKAITAN DI BATU 8, JALAN MERU TAMBAHAN (BERDEKATAN SEKOLAH TASKI), MERU KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	50,434.90	(3) Minggu	23/5/2011	13/6/2011	FP CENTURY	100%	Selesai Proses Bayaran
16	KERJA-KERJA MEMBAIKI JALAN ROSAK DI JALAN BUKIT CHERAKAH (ARAH KUALA SELANGOR) DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	19,967.50	(2) Minggu	6/5/2011	20/5/2011	SYARIKAT SHAZ	100%	Dalam Penyediaan Bayaran
17	KERJA-KERJA MEMBAIKI JALAN ROSAK DI JALAN BUKIT CHERAKAH (ARAH KLANG) DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	19,967.50	(2) Minggu	6/5/2011	20/5/2011	CAHATYA DIELIAWANI CONSTRUCTION ENTERPRISE	100%	Dalam Penyediaan Bayaran
18	KERJA-KERJA MEMBAIKI JALAN ROSAK DI JALAN MANAN, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	20,000.00	(2) Minggu	6/5/2011	20/5/2011	SYARIKAT HM	100%	Selesai Proses Bayaran
19	KERJA-KERJA MEMBAIKI MENDAPAN JALAN DI PERSIMPANGAN JALAN HJ MANAN / JALAN MERU , DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	19,942.18	(2) Minggu	6/5/2011	20/5/2011	PERNIAGAAN SRI AZZA	100%	Selesai Proses Bayaran

JUMLAH 1,758,955.60

SENARAI KERJA PENYELENGGARAAN PERSEKUTUAN ,MERU,KLANG)

20	KERJA-KERJA MANGGANTI FIELXIBLE POST YANG ROSAK DI SEKSYEN 15.00 JALAN MERU (HADAPAN PASAR BORONG), KLANG, SELANGOR D.E	17,915.00	(1) Minggu	18/3/2011	24/03/2011	Fajar Sadik Enterprise	100%	Telah Selesai
----	---	-----------	------------	-----------	------------	------------------------	------	---------------

JUMLAH 1,776,870.60

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: ELAUN IMAM MASJID NEGERI SELANGOR

105. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Sila nyatakan berapakah jumlah bilangan Imam di Negeri Selangor dan berapakah elaun bulanan yang diterima?
 - b) Sila nyatakan dengan jelas apakah terdapat perbezaan jumlah elaun yang diterima oleh Imam yang berkelulusan Universiti Al-Azhar dengan Universiti tempatan?
 - c) Sila nyatakan bilakah Kerajaan Negeri akan menaikkan elaun dan gaji para Imam ke suatu tahap yang lebih munasabah memandangkan kos saraan hidup semakin meningkat?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PERTUKARAN PENTADBIRAN UNISEL

106. Berlaku kekecohan di UNISEL menyebabkan berlaku pertukaran pentadbiran Presiden dan Naib Canselor dan lain-lain.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah masalah yang membawa kepada kekecohan dan pertukaran pentadbiran?
- b) Bagaimanakah prestasi UNISEL kini?
- c) Berikan statistik penambahan pelajar dan pengajar atau sebaliknya sejak 5 tahun yang lepas?

JAWAPAN :

- a) Berlaku krisis kepimpinan di peringkat atasan khususnya pemimpin nombor satu iaitu mantan Naib Canselor dengan tiga Timbalan Naib Canselor. Krisis ini berlaku berikutan ketiga-tiga Timbalan Naib Canselor tersebut tidak bersetuju dengan beberapa tindakan dan keputusan mantan Naib Canselor yang dianggap tidak menguntungkan universiti pada masa kini dan akan datang.
- b) Unisel banyak menjalinkan kerjasama melalui perjanjian persefahaman bersama Universitas Ibnu Khaldun, Universitas Kanjuruhan Malang, Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta, Indonesia, Fatih University Istanbul Turki. Selain dari itu mengadakan Seminar Saintis Islam Antarabangsa IAS, mengadakan Mou antara Institut Bio-It Unisel dan Universiti Manchester. Selain itu juga, Unisel telah memenangi hadiah sebanyak RM10,000 naib johan Produa Eco-Challenge 2011 yang diadakan di Sirkit Motorsport Antarabangsa Melaka. Universiti Selangor adalah satu-satunya universiti yang menyertai pertandingan Petronas Cubprix 2011 serta menyaangi pasukan profesional seperti HONDA, YAMAHA dan Suzuki. Prestasi Unisel amat memberangsangkan bagi pasukan muda yang sentiasa menduduki tempat 10 terbaik daripada 50 pasukan yang bertanding.

c) JADUAL 1:

**STATISTIK PELAJAR
UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)
TAHUN 2007 – 2011 (5 TAHUN)**

TAHUN JADUAL 1:	JUMLAH PELAJAR	PERNAMBAHAN (+) / PENGURANGAN (-)
2007	10,236	-
2008	12,501	+2265
2009	11,955	-546
2010	9,784	-2171
2011	10,035*	+251

* Data setakat 25 Oktober 2011

**STATISTIK PENGAJAR
UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)
Tahun 2006 – 2011 (5 TAHUN)**

TAHUN	JUMLAH
2006	42
2007	75
2008	75
2009	46
2010	65
2011	31
JUMLAH	334

Statistik Penambahan Tenaga Pengajar (Akademik) 2006 - 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA SJKT

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan semua sekolah SJKT yang telah menerima bantuan daripada kerajaan negeri dari tahun 2005 hingga 2011 setiap tahun.

JAWAPAN :

- a) Bantuan Sekolah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah bermula pada tahun 2009 sehingga kini dan tahun 2005 tidak ada bantuan diberikan. Semua sekolah SJK(T) yang berdaftar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia menerima bantuan sekolah daripada Kerajaan Negeri Selangor bermula dari tahun 2009 sehingga kini. Senarai sekolah yang telah menerima bantuan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Bantuan Diberikan Oleh Kerajaan Negeri
2005	RM 0
2006	RM 0
2007	RM 0
2008	RM 4 Juta
2009	RM 4 Juta
2010	RM 4 Juta
2011	RM 4 Juta

BIL.	NAMA SEKOLAH
1	SRJK(T) BATU CAVES
2	SJK(T) KAJANG
3	SJK(T) METHODIST KAPAR
4	SRJK(T) JALAN WATSON
5	SJK(T) PUCHONG
6	SJK(T) RAWANG
7	SJK(T) SIMPANG LIMA
8	SRJK(T) SUNGAI RENGGAM
9	SJK(T) VIVEKANANDA
10	SJK(T) AMPANG
11	SJK(T) BATU AMPAT
12	SJK(T) BATANG BERJUNTAI
13	SRJK(T) LADANG EMERALD

14	SJK(T) SERDANG
15	SRJK(T) HIGHLANDS
16	SJK(T) JALAN MERU
17	SRJK(T) KINRARA
18	SRJK(T) LADANG RINCHING
19	SJK(T) SARASWATHY
20	SRJK(T) TELOK DATOK
21	SJK(T) TELUK MERBAU
22	SRJK(T) TELUK PANGLIMA GARANG
23	SJK(T) TUN SAMBANTHAN
24	SJK(T) VAGEESAR
25	SRJK(T) LADANG VALLAMBROSA
26	SJK(T) LADANG BUKIT IJOK
27	SJK(T) PULAU CAREY TIMUR
28	SJK(T) SUNGAI BULOH
29	SJK(T) BANDAR BARU SALAK TINGGI
30	SJK(T) BANGI
31	SJK(T) BATANG KALI
32	SRJK(T) BATU ARANG
33	SJK(T) BUKIT BERUNTUNG
34	SRJK(T) LADANG BUKIT CHERAKA
35	SJK(T) BUKIT DARAH
36	SJK(T) LADANG BUKIT RAJA
37	SJK(T) CASTLEFIELD
38	SJK(T) COALFIELDS
39	SJK(T) DENGKIL
40	SJK(T) LADANG EBOR
41	SJK(T) EFFINGHAM
42	SRJK(T) LADANG GADONG
43	SJK(T) GLENMARIE
44	SJK(T) HICOM
45	SJK(T) JALAN ACOB
46	SRJK(T) JALAN TEPI SUNGAI
47	SRJK(T) JENJAROM
48	SRJK(T) LADANG JUGRA
49	SJK(T) LADANG KALUMPANG
50	SRJK(T) KUALA KUBU BHARU
51	SRJK(T) KUANG
52	SRJK(T) LADANG MIDLANDS
53	SJK(T) LADANG NORTH HUMMOCK

54	SJK(T) LADANG RASAK
55	SRJK(T) RRI
56	SJK(T) SABAK BERNAM
57	SJK(T) SEAFIELD
58	SJK(T) SEAPORT
59	SRJK(T) LADANG SEMENYIH
60	SRJK(T) SEPANG
61	SRJK(T) SIMPANG MORIB
62	SJK(T) SUNGAI BUAYA
63	SJK(T) SUNGAI CHOH
64	SRJK(T) SUNGAI MANGGIS
65	SRJK(T) SUNGAI SEDU
66	SRJK(T) TAMAN MELAWATI
67	SJK(T) TAMAN PERMATA
68	SRJK(T) TUMBOK
69	SRJK(T) WEST COUNTRY TIMUR
70	SRJK(T) AMPER TENANG
71	SJK(T) BRAFFERTON
72	SRJK(T) BRAUNSTON
73	SRJK(T) BUKIT ROTAN BARU
74	SRJK(T) LADANG BUTE NILAI
75	SJK(T) DOMINION
76	SRJK(T) GHANDIJI
77	SRJK(T) LADANG HOPEFUL
78	SJK(T) LADANG KAMPUNG BHARU
79	SJK(T) LADANG KUALA SELANGOR
80	SJK(T) LADANG MARY
81	SJK(T) LADANG MINYAK
82	SRJK(T) PULAU CAREY BARAT
83	SRJK(T) PULAU CAREY SELATAN
84	SJK(T) LADANG RAJA MUSA
85	SRJK(T) RIVERSIDE
86	SJK(T) LADANG SELANGOR RIVER
87	SJK(T) LADANG SUNGAI BERNAM
88	SRJK(T) LADANG SUNGAI RAMBAI
89	SJK(T) SUNGAI TINGGI
90	SRJK(T) LADANG TUAN MEE
91	SRJK(T) LADANG ESCOT
92	SJK(T) LADANG CHANGKAT ASA
93	SRJK(T) LADANG KERLING

94	SJK(T) LADANG LIMA BELAS
95	SRJK(T) LADANG NIGEL GARDNER
96	SJK(T) LADANG SUNGAI TERAP
97	SJK(T) LADANG WEST COUNTRY BARAT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH KERAJAAN DIBERIMILIK KEPADA
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan, jika ada, yang telah diberi milik kepada PNSB?
- b) Berapakah keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh PNSB?
- c) Berapakah cukai tanah tertunggak, jika ada, yang masih belum dibayar oleh PNSB?

JAWAPAN :

- a) Sehingga Oktober 2011 jumlah keluasan tanah kerajaan yang telah diberimilik kepada PNSB adalah seluas lebih kurang 14,301 ekar.
- b) Keluasan tanah yang belum dimajukan oleh PNSB sehingga Oktober 2011 adalah seluas lebih kurang 2,958 ekar.
- c) Sehingga Jun 2011 tunggakan cukai tanah yang masih belum dijelaskan oleh PNSB adalah sebanyak RM 758,423.00. Walau bagaimanapun, sebahagian besar tunggakan cukai tanah ini melibatkan pemilikan premis yang telah dijual dan belum dipindah milik kepada pembeli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: INDUSTRI PENTERNAKAN BURUNG WALIT

109. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan secara *detail* apakah potensi dan cabaran industri penternakan burung walit?
- b) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini tentang garis panduan terhadap penternakan burung walit dan bilakah ianya akan diumumkan?
- c) Sila nyatakan apakah benar Kerajaan Negeri berhasrat tidak mengizinkan penternakan burung walit dijalankan di Kawan bendang ? Jika ia,sila nyatakan apakah rasional larangan tersebut?

JAWAPAN :

a)

Potensi industri burung walit

- Nilai sarangnya bernilai tinggi dipasaran. Harga pasaran semasa sarang burung walit sekilo adalah antara RM 3,000 hingga RM 4,500 (*Raw unclean EBN*) dan antara RM 6,000 – RM 12,000/kg (*Row clean EBN*).
- Permintaan sarang burung walit melebihi penawaran. Pada masa ini Malaysia adalah pengeluar kedua terbesar di dunia.
- Burung walit adalah 'sumber asli' Malaysia. Justeru itu ianya berpotensi menjadi keluaran hasil desa / kota.
- Industri Walit boleh memberi nilai tambah kepada tanah terbiar atau bangunan warisan / projek terbengkalai.
- Najis / guano burung walit diproses sebagai baja organik
- Kerajaan memberi galakan bagi memajukan industri ini.

Antaranya melalui pemberian geran perladangan burung walit kepada golongan miskin tegar, kemudahan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan seperti Agrobank dan SME bank. Kemudahan pinjaman ini turut meliputi bantuan bagi aktiviti pemprosesan sarang burung walit.

Cabaran industri perladangan burung walit

- Pandangan serong orang awam – salah satu punca penyakit flu unggas
- Banyak aduan awam berkaitan kacau ganggu bunyi, masalah dan kebersihan premis burung walit terutama bagi kawasan berdekatan perumahan sepenuhnya dan penempatan penduduk.
- Menjadikan Malaysia sebagai pengeluar dan pembekal hasil dan hasilan sarang yang berkualiti, selamat serta halal bertaraf dunia.
- Isu ketidaktulenan sarang burung Walit (EBN).

Kebanyakan EBN adalah berwarna putih. Sebahagian EBN juga boleh didapati dalam warna hitam (*black Nest*), kuning (*yellow nest*), merah (*red nest*) dan lain-lain. Sarang burung merah asli (*red nest*) kerap kali disalah anggap sebagai *blood nest* (*adulterated*). Ia didakwa lebih berkhasiat berbanding sarang burung putih.

Terdapat juga ketidaktulenan (*adulteration*) EBN yang lain, yang mana ia diwarna dan dicampurkan dengan konsentrat, ammonia, msg, garam dan sebagainya. *Adulteration* sarang burung walit ini memang banyak dilakukan oleh pengeluar yang tidak bertanggungjawab bagi mengelirukan dan menipu pengguna.

- Jarak zon penampaman premis burung walit

Terdapat juga maklumat atau fakta yang kurang tepat mengenai jarak zon penampaman antara premis walit dan kawasan perumahan. Sebenarnya jarak zon penampaman antara premis walit dan kawasan perumahan yang dicadangkan adalah minimum 50 meter dan bukannya 100 meter. Ukuran 100 meter sebenarnya adalah merujuk kepada zon penampaman untuk ladang unggas sistem terbuka. Ketetapan ini telah dinyatakan dalam buku Garis panduan Pembangunan Industri Burung Walit atau 1 GP. Penetapan zon penampaman 50 meter ini telah dikaji kesesuaianya berdasarkan perancangan asal bagi basi jalan dan perparitan.

- b) Garis panduan terhadap perladangan burung walit telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Pekelingiling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SBPT Bil 4/2011 bertarikh 26/8/2011 dlm IPK Sel.60015/18 Jld 4(19) bertajuk Garis panduan Perlesenan Industri Burung Walit Negeri Selangor dan berkuat kuasa mulai 26/8/2011. Garis panduan ini hanya tertakluk kepada perlesenan bagi permohonan baru sahaja dan tidak termasuk perlesenan bagi premis sedia ada .

Bagi premis-premis burung walit yang sudah sedia ada tertakluk kepada Garis panduan Program Pemutihan Industri Burung Walit yang bakal dilaksanakan kelak. .

- c) Benar, Kerajaan Negeri tidak mengizinkan penternakan burung walit dijalankan di kawasan bendang (bagi permohonan baru) berkuat kuasa pada atau selepas 26/8/2011. Bagi premis-premis burung walit sedia ada (telah wujud) ianya tertakluk kepada Garis Panduan Program Pemutihan Industri burung walit yang bakal dilaksanakan kelak.

Rasional larangan tersebut ialah kawasan tanaman padi tidak boleh ditukar syarat dan perlu kekal sebagai tanah pertanian (jelapang padi negara).

(Asas Rujukan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2008 bertarikh 28/1/2008 berkenaan Kertas Jabatan Perancang Bandar dan Desa JPN Sel.bil 6/1/2008 – Kajian Rancangan Kawasan Khas Tg. Karang Kuala Selangor 2008 – 2020).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Perincikan peruntukan yang dikeluarkan untuk setiap program MES
- b) Berapakah jumlah anak syarikat yang menguruskan program ini?
- c) Berapakah kakitangan keseluruhan yang terlibat dan apakah kadar penembusan setiap program MES?

JAWAPAN :

- a) Sila rujuk Jadual 1 di bawah.
- b) RMSB merupakan salah satu anak syarikat Kerajaan Negeri yang mengendalikan Skim Mesra Usia Emas sebagai *core business*nya. Dalam masa yang sama ia turut diamanahkan untuk mengendalikan Skim Kesihatan Wanita dan Pusat Dialisis Rakyat.
- c) Setakat ini, RMSB memiliki seramai tujuh (7) orang kakitangan yang melakukan kerja-kerja *multy tasking*. Dengan kerjasama dan disiplin yang baik yang diberikan oleh kakitangannya, RMSB telah berjaya mencapai kadar penembusan di Selangor pada kadar 62.6% bagi SMUE.

JADUAL: 1**Jumlah Pembayaran Program MES sehingga 30.09.2011**

STATUS TERKINI PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES) SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011						
BIL	PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)				
		TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010	TAHUN 2011*	JUMLAH KESELURUHAN
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	-	1,029,700	1,179,700	511,800	2,721,200
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	3,200,000	5,667,028	7,699,000	4,955,000	21,521,028
3	Skim Mesra Usia Emas	870,000	19,761,000	21,515,500	15,095,000	57,241,500
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	354,200	1,118,540	183,100	794,590	2,450,430
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	68,674,733	131,468,341	136,217,651	105,465,095	441,825,819
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	-	-	1,615,500	10,959,050	12,574,550
7	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	-	-	227,700	869,220	1,096,920
8	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)	-	-	-	3,135,000	3,135,000
9	Pusat Dialisis Rakyat	-	-	-	-	-
10	Cuti Bersalin 90 Hari	-	-	-	-	-
11	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	-	-	-	-	-
12	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	-	-	-	-	-
13	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	-	-	-	-	-
		JUMLAH	73,098,933	159,044,609	168,638,151	141,784,755
						542,566,447

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Meminta kerajaan memberi penjelasan bagaimana peruntukan fasa pertama tahun 2011 sebanyak RM2juta telah digunakan untuk menyelenggara kerosakan rumah pangsa kos rendah di Selangor.
- Meminta kerajaan menyeranaikan rumah pangsa kos rendah yang telah menerima peruntukan, saiz peruntukan yang diterima serta lokasi-lokasi rumah pangsa dan bilangan unit yang ada.

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2 juta kepada 18 kawasan pangsapuri kos rendah yang meliputi hampir 8,000 unit kediaman secara perkongsian kos di antara Kerajaan Negeri dan penduduk dengan nisbah berikut:-
 - Kerajaan Negeri - 80%
 - JMB/MC/Persatuan Penduduk - 20%
- Perincian maklumat kawasan 18 pangsapuri kos rendah yang telah dan sedang dibaikpulih di bawah Skim Bantuan Baikpulih Negeri Berkebajikan ini adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	BIL UNIT	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	LEMBAH JAYA	428	64,000	4 unit tangki
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	TERATAI	700	324,000	4 unit lif
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	208	110,000	1 unit lif

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	BIL UNIT	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA
4.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	651	185,000	Kerosakan bumbung membabitkan 134 unit rumah di tingkat paling atas
5.	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	BUKIT LANJAN	1,157	212,000	4 unit lif
6.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A & B	MBPJ	TAMAN MEDAN	300	100,000	2 unit lif
7.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	TAMAN MEDAN	421	7,757	2 unit lif
8.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	TAMAN MEDAN	500	192,243	Salur air hujan (<i>gutter</i>) 5 blok
9.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	SERI SETIA	296	42,000	2 unit lif
10.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	KAMPUNG TUNKU	350	131,000	3 unit lif
11.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	SERI KEMBANGAN	480	56,000	Salur air hujan (<i>gutter</i>) 4 blok
12.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	DENGKIL	80	93,000	Kerosakan bumbung yang menjelaskan 16 unit tingkat 5 Blok G
13.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	KAJANG	214	18,000	Pembentong di Blok C
14.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D & E	MPKj	DUSUN TUA	180	42,000	Bumbung Blok D & E
15.	Pangsapuri Mentari	MBSA	KOTA DAMANSARA	850	45,000	3 unit lif

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	BIL UNIT	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA
16.	Rumah Kos Rendah Taman Subang Perdana	MBSA	KOTA DAMANSARA	200 (anggaran-kerana JMB tiada rekod)	24,000	Bumbung
17.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	KOTA ANGGERIK	617	250,000	5 unit Lif
18.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	PELABUHAN KLANG	216	100,000	2 unit lif
JUMLAH				7,848	RM2,000,000	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

**TAJUK : TAJAAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR TERHADAP PELAJAR DI
TIMUR TENGAH**

112. Lembaga Zakat Selangor menjadi penyumbang kewangan bagi sebahagian pelajar-pelajar yang menyambung pengajian di Timur Tengah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Sejak 2001 hingga kini, berapakah jumlah pelajar di Timur Tengah yang ditaja oleh LZS?
- Apakah bidang-bidang keutamaan yang diberi tajaan?
- Berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan kepada mereka?

JAWAPAN :

- Sejak tahun 2001 hingga 2004, LZS telah memperuntukkan sebanyak Rm5 juta untuk pelajar di Timur Tengah yang mengikuti pengajian Islam. Jumlah pelajar di Timur Tengah yang ditaja oleh LZS adalah seperti berikut :

Negara	Peringkat Pengajian	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011
Mesir	Pengajian Islam	155	115	57	70	96	85	107
	Perubatan	4	8	7	37	50	37	6
Morocco	Pengajian Islam	8	10	6	3	6	3	2
Jordan	Pengajian Islam	12	20	9	12	33	40	36
Jumlah Keseluruhan		179	153	79	122	185	165	151

- Bidang-bidang keutamaan yang diberi tajaan ialah :
 - Pengajian Islam
 - Perubatan

c) Jumlah peruntukan yang dikeluarkan kepada mereka adalah seperti berikut :

DERMASISWA (LUAR NEGARA)

Negara	Peringkat Pengajian	Tempoh Pengajian	Kadar Bantuan Setahun (RM)	Kadar Bantuan Sepanjang Pengajian (RM)
Mesir	Ijazah Pengajian Islam	4 tahun	7,500	30,000
	Ijazah Perubatan	6 tahun	Tahun pertama : 30,000 Tahun Ke-2 hingga 5 : 20,000	130,000
Morocco	Ijazah Pengajian Islam	3 tahun	13,000	39,000
Jordan	Ijazah Pengajian Islam	4 tahun	16,000	64,000

***BANTUAN UMUM PELAJARAN (LUAR NEGARA)**

NEGARA	KADAR BANTUAN (RM)
Mesir	2,500
Morocco	5,000
Jordan	5,000

*Nota : Bantuan ini hanya diberikan setahun sekali di peringkat ijazah bergantung pada pendapatan kedua-dua ibu bapa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: RUMAH KOS RENDAH

113. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan rumah kos rendah yang telah dibina sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tumpuk pemerintahan?
- b) Sila nyatakan apakah punca utama dan kekangan –kekangan yang dihadapi oleh para pemaju untuk membina rumah kos rendah seperti yang ditetapkan?
- c) Sila nyatakan apakah bantuan dan tindakan yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemaju yang ingkar dan melarikan tanggungjawabnya untuk membina rumah kos rendah?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri amat serius terhadap penyediaan Rumah Kos Rendah untuk golongan berpendapatan rendah. Justeru, pemaju akan dikenakan syarat membina rumah kos rendah bagi setiap pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Sepanjang tempoh April 2008 sehingga 30 Oktober 2011, sebanyak 3,317 unit Rumah Kos Rendah yang telah dan sedang dibina oleh pemaju. Berikut merupakan senarai penuh senarai nama projek rumah kos rendah yang sedang dibangunkan di Negeri Selangor dalam tempoh tersebut:

Bil.	Nama Projek RKR / Pemaju	Bilangan Unit	Lokasi Projek	Status Projek
1.	Aman Perdana Fasa 2 (Intramewah Dev. Sdn. Bhd.)	320	Mukim Kapar Daerah Klang	Dalam Pembinaan
2.	Setia Alam Fasa 2 (SP Setia Sdn. Bhd.)	725	Mukim Bukit Raja Daerah Klang	Dalam Pembinaan
3.	Bandar Parklands Bukit Tinggi 3 (Gabungan Efektif Sdn. Bhd.)	480	Mukim Klang Daerah Klang	Dalam Pembinaan
4.	Taman Damai Utama (Medan Damai Sdn. Bhd.)	730	Mukim Petaling Daerah Petaling	Dalam Pembinaan

5.	Taman Saujana Utama 3 (Regency Land Sdn. Bhd.)	424	Mukim Ijok Daerah Kuala Selangor	Dalam Pembinaan
6.	Saujana Rawang (Glomac Rawang Sdn. Bhd.)	100	Mukim Rawang Daerah Gombak	Dalam Pembinaan
7.	Perdana Residence 2 (Nova Century Dev, Sdn. Bhd.)	108	Mukim Batu Daerah Gombak	Dalam Pembinaan
8.	Taman Puchong Prima (Mitrajaya Homes Sdn. bhd.)	400	Mukim Petaling Daerah Petaling	Belum Bina
9.	Wawasan Asli Sdn. Bhd.	30	Mukim Klang Daerah Klang	Dalam Pembinaan
JUMLAH		3,317		

- b) Beberapa punca dan kekangan utama yang dihadapi oleh para pemaju untuk membina rumah kos rendah telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri adalah:
- i) **Kenaikan harga bahan binaan** secara tidak langsung turut meningkatkan kos-kos lain seperti kos pengangkutan, kos infrastruktur serta kos pembinaan bagi satu unit rumah kos rendah.
 - ii) **Harga tanah yang mahal di Negeri Selangor**
 - iii) **Harga jualan rumah kos rendah yang merugikan** berbanding kos pembinaannya yang mencecah sehingga RM70,000.00 seunit.
 - iv) **Kurang Permintaan di sebahagian Kawasan / Daerah.**
Walaubagaimanapun, Analisis Permintaan dan Penawaran yang dibuat oleh LPHS mendapati negeri Selangor secara keseluruhannya masih lagi memerlukan 15,365 unit rumah kos rendah.
- c) Di antara bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri terutamanya LPHS dalam membantu pemaju mengatasi masalah penjualan rumah kos rendah adalah dengan mengadakan promosi terhadap rumah-rumah yang masih lagi tidak terjual dan mendapatkan pembeli-pembeli untuk ditawarkan melalui pengiklanan projek-projek tersebut di beberapa akhbar utama seperti di Berita Harian, News Straits Times, Harian Metro, Selangorkini dan Selangor Times.

Selain itu, LPHS juga telah membuat analisis permintaan dan penawaran rumah kos rendah bagi membantu para pemaju untuk membuat perancangan dan unjuran terhadap keperluan rumah kos rendah bagi sesuatu kawasan. Melalui kaedah ini, Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan kepada pemaju di sesuatu kawasan yang kurang keperluan atau permintaan terhadap rumah kos rendah untuk dikecualikan pembinaan rumah kos rendah digantikan dengan pembinaan Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru.

Antara tindakan yang bakal di ambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemaju yang ingkar atau melepaskan tanggungjawab untuk membina rumah kos rendah adalah dengan menyenaraihitamkan syarikat dan semua Ahli Lembaga Pengarah Syarikat untuk diedarkan kepada semua PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Selangor selain dicadangkan untuk dipaparkan dalam laman web sebagai panduan kepada bakal pembeli rumah. Syarikat dan nama-nama yang telah disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan menjalankan sebarang projek di Negeri Selangor walaupun memiliki syer di bawah nama syarikat yang lain.

Selain itu, pemaju yang dibenarkan pengecualian membina rumah kos rendah akan dikenakan sumbangan pengecualian. Pengiraan bayaran sumbangan pengecualian yang dikenakan adalah seperti berikut :

- i) Kawasan Lembah Klang
 - Jumlah unit yang patut di bina X RM42,000.00
- ii) Kawasan Luar Lembah Klang
 - Jumlah unit yang patut di bina X RM35,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH KERAJAAN DIBERIMILIK KEPADA KUMPULAN
DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan, jika ada, yang telah diberimilik kepada KDEB?
- b) Berapakah keluasan tanah tersebut yang belum dimajukan oleh KDEB?
- c) Berapakah cukai tanah tertunggak, jika ada, yang masih belum dibayar oleh KDEB?

JAWAPAN :

- a) Tanah Kerajaan yang telah diberimilik kepada KDEB ketika ini, adalah sebanyak **5,403.24 ekar**.
- b) Keluasan tanah-tanah KDEB yang masih belum dimajukan adalah seluas **5,352.54 ekar**.
- c) Tiada tunggakan cukai tanah milik KDEB yang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi bilangan anak yang telah berdaftar mengikut DUN dan jumlah wang yang telah dicarum oleh kerajaan ke dalam tabung ini sehingga sekarang?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pendaftaran dari tahun 2008 hingga kini mengikut kawasan DUN:

Nama DUN	Jumlah Pendaftaran
Sungai Air Tawar	478
Sabak Bernam	682
Bukit Melawati	559
Ijok	1,058
Jeram	1,047
Sungai Burong	726
Permatang	656
Sekinchan	650
Sungai Panjang	974
Hulu Bernam	335
Kuala Kubu Bharu	800
Batang Kali	1,116
Rawang	1,572
Taman Templer	410
Kuang	444
Batu Caves	1,004
Gombak Setia	434
Hulu Kelang	237
Bukit Antarabangsa	160
Lembah Jaya	826
Chempaka	156
Teratai	290
Dusun Tua	618
Kajang	3,916
Semenyih	1,277

Bangi	1,282
Balakong	518
Seri Kembangan	1,027
Seri Serdang	907
Kinrara	1,191
Subang Jaya	538
Seri Setia	267
Taman Medan	1,091
Bukit Gasing	120
KampungTunku	421
DamansaraUtama	539
Bukit Lanjan	223
PayaJaras	1,054
Kota Damansara	852
Kota Anggerik	2,758
BatuTiga	1,850
Meru	2,156
Sementa	1,080
Sungai Pinang	776
SelatKlang	1,312
PelabuhanKlang	1,844
Pandamaran	2,367
Kota Alam Shah	1,834
Seri Andalas	1,373
Seri Muda	1,183
Sijangkang	2,346
TelukDatuk	1,548
Morib	1,202
TanjungSepat	494
Dengkil	1,128
Sungai Pelek	583
WPKL-Kepong	162
WPKL-Batu	42
WPKL-WangsaMaju	63
WPKL-Segambut	45
WPKL-Setiawangsa	19
WPKL-Titiwangsa	33
WPKL-Bukit Bintang	17
WPKL-LembahPantai	102
WPKL-Seputeh	70
WPKL-Cheras	286
WPKL-Bandar TunRazak	143

Lain-Lain	199
Jumlah Keseluruhan Pendaftaran TAWAS	57,470

- Jumlah wang yang telah dicarum dari dana yang diberi adalah sebanyak **RM2,756,600.00**